

BAB EMPAT

EKONOMI PERTANIAN PINDAH DALAM MASYARAKAT RUNGUS: REALITI DAN CABARAN

4.1 Pengenalan

Pada masa ini, semakin ramai orang Rungus yang meninggalkan kegiatan ekonomi pertanian pindah. Keadaan ini khususnya berlaku di kalangan generasi muda. Kemudahan mendapatkan perkhidmatan pendidikan khususnya di sekolah-sekolah kerajaan telah membolehkan golongan muda meneroka bidang pekerjaan yang baru sebaik sahaja mereka menamatkan persekolahan mereka.

Fenomena ini dapat dilihat di tempat kajian ini dilakukan iaitu di Kg. Tinangol (44 kilometer dari pekan Kudat) dan Kg. Panudahan, Rita dan Buranak (berdekatan antara satu sama lain) yang terletak 64 kilometer dari pekan Kudat. Walaupun kedua-dua kawasan kampung/perkampungan ini agak terpencil namun fenomena tersebut tetap berlaku. Ini menunjukkan bahawa kemudahan persekolahan yang semakin baik telah membuka peluang baru untuk golongan lepasan sekolah meneroka kerjaya yang baru. Selain itu, wujudnya peluang-peluang pekerjaan sama ada di sektor kerajaan atau swasta juga telah menyediakan alternatif ekonomi yang boleh dijalankan. Peluang-peluang pekerjaan ini bagaimanapun terpaksa dicari di luar kawasan perkampungan. Ini menimbulkan satu lagi ‘trend’ di kalangan generasi muda untuk berhijrah ke bandar-bandar. (Bahagian ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di Bab 6).

Sementara golongan muda berlumba-lumba ke bandar untuk mencari pekerjaan, golongan tua pula yang kebanyakannya buta huruf meneruskan kegiatan pertanian

pindah. Walaupun terdapat juga segelintir petani muda yang boleh membaca bahkan berpendidikan sekolah menengah, namun kelulusan yang rendah serta atas sebab-sebab peribadi menyebabkan mereka terpaksa meneruskan kegiatan pertanian pindah ini.

Bahagian ini akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai pekerjaan pertanian pindah dari segi amalan, proses membuka *tagad* (ladang), masalah petani serta kegiatan ekonomi mereka yang lain.

4.2 Pemilikan Tanah Tradisional di Borneo

Oleh kerana tanah merupakan faktor pengeluaran yang terpenting dalam ekonomi pertanian pindah maka adalah penting untuk melihat bagaimakah sistem pemilikan tanah di Borneo khususnya di kalangan kaum Rungus. Sistem pemilikan tanah ini akan menentukan bagaimana kegiatan pertanian pindah berlangsung dalam sesebuah komuniti itu terutama mengenai isu-isu pemilikan, hak penggunaan dan pewarisan.

Kajian mengenai pemilikan tanah tradisional di Borneo dimulakan oleh para sarjana Belanda pada awal dekad ini. (Appell, 1992). Pada umumnya masyarakat petani pindah di Borneo meletakkan penduduk kampung sahaja yang mempunyai hak (a jural entity) ke atas kawasan simpanan di kampung tersebut. (Lihat Appell 1992b). Jika ‘orang luar’ mahu membuka kawasan simpanan di kampung tersebut maka kebenaran daripada ketua kampung haruslah diperolehi. Walau bagaimanapun, terdapat juga perbezaan di kalangan masyarakat di Borneo berhubung dengan perkara ini apabila tanah tradisional ini melibatkan pemilikan secara individu atau secara (jural personality).

Terdapat dua sistem pemilikan tanah yang utama iaitu (a) Circulating usufruct system¹ (penggunaan berganti-ganti) dan (b) Devolvable usufruct system (penggunaan persendirian dan diwariskan). (Appell, 1986, 1991).

‘Devolvable usufruct system’ boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu ‘Partitionable’ dan ‘Devisable usufruct’. ‘Partitionable’ melibatkan pemilikan bersama oleh ahli keluarga tetapi pemilikan hak ini boleh diagihkan apabila keluarga itu berkembang. ‘Devisable usufruct’ pula melibatkan pemilikan bersama oleh seluruh keturunan orang yang membuka kawasan itu. (Appell, 1991).

Sistem tradisional yang diamalkan di kalangan kaum Rungus ialah ‘circulating usufruct’. Tidak ada hak milik tetap dan persendirian berlaku. Tempoh pemilikan sesebuah kawasan secara rasminya ialah satu tahun pengeluaran. Bagaimanapun kadang-kadang tanah tersebut digunakan dan terus dimiliki mungkin dalam satu atau dua tahun lagi selepas padi dituai kerana masih terdapat hasil-hasil sampingan yang belum diambil seperti ubi kayu, tebu, keladi dan ubi manis. Selepas hasil-hasil sampingan ini diambil, tanah atau kawasan tersebut menjadi kawasan simpanan kampung berkenaan untuk kegunaan penduduk kampung tersebut pada masa depan. Oleh kerana hak milik tanah adalah bersifat sementara maka tidak ada tanah yang diwariskan. Oleh itu tidak ada juga amalan membeli atau menjual tanah. Sekiranya seseorang tidak mahu atau berasa tidak puas hati dengan kualiti kawasan simpanan kampung, dia boleh membuka kawasan di kampung lain dengan syarat mendapat kebenaran ketua kampung berkenaan. Hubungan persaudaraan bukanlah perkara penting yang membolehkan seseorang tersebut boleh masuk ke kampung lain, apa yang penting ialah kebenaran ketua kampung berkenaan.

Seluruh kawasan simpanan kampung boleh diteroka oleh penduduk kampung tersebut untuk tujuan pertanian pindah kecuali kawasan yang dipanggil *puru* (mangrove). Kawasan ini dipercayai menjadi tempat tinggal roh-roh jahat yang akan bertindakbalas sekiranya kawasan ini diganggu. Kawasan ini mempunyai pokok-pokok yang besar dan tinggi (kerana tidak pernah ditebang) dan juga berfungsi sebagai kawasan tадahan air. Tanahnya sentiasa lembab kerana cahaya matahari tidak sampai dipermukaannya. Mengikut kepercayaan tradisional, tanah yang lembab dan berair ini adalah tempat tinggal *rogon rumana* (roh air). Kawasan ini akan menjadi sebahagian daripada warisan kampung tersebut. Satu lagi kawasan yang tidak boleh dibuka ialah kawasan perkuburan. Membuka *tagud* di kawasan kubur boleh menyebabkan seseorang itu dihukum dengan berat.²

Sistem Pemilikan Moden dan Masalah Kekurangan Tanah

Masyarakat tradisional juga mengalami masalah kekurangan tanah tetapi kekurangan ini lebih berbentuk kepada kekurangan kualiti tanah. Apabila sesebuah kawasan telah digunakan dalam satu jangka waktu, kawasan yang sesuai untuk ditebang akan berkurangan. Jika masalah ini semakin serius, satu cara untuk mengatasi perkara ini ialah dengan meninggalkan kawasan tersebut dan berpindah ke kawasan lain tetapi masih dalam sempadan kampung berkenaan. Biasanya perpindahan yang berlaku disebabkan mencari kawasan baru ini berlaku kira-kira setiap 10 hingga 15 tahun. Apabila kawasan yang baru itu mengalami keadaan yang sama maka kawasan baru akan dicari dan seterusnya hinggalah petempatan itu mungkin akan berpindah semula ke tempat di mana petempatan mula-mula dibuat.

Sistem berpindah-randah ini telah dapat mengatasi masalah kekurangan dalam masyarakat petani pindah. Bagaimanapun, masalah kekurangan tanah yang sebenar (mutlak) mula timbul apabila kerajaan kolonial campur tangan dalam hal ehwal pengurusan tanah tradisional (Appell, 1991).

Pemerintah British telah bertindak mengambil kawasan simpanan kampung orang-orang Rungus. Mereka berpendapat tanah tersebut tidak dimiliki secara rasmi. Oleh itu tanah tersebut boleh diambil secara sah melalui pemerintah. Pemerintah British juga memberikan peluang kepada pendatang Cina untuk membuka petempatan mereka terutama di kawasan yang berdekatan dengan bandar dan jalan raya. Tindakan ini telah menyebabkan masyarakat Rungus yang tidak tahu cara untuk mempertahankan hak mereka secara sah terpaksa berpindah lebih jauh ke kawasan pedalaman. Kesan-kesan perpindahan ini masih kelihatan pada hari ini. Tanah di sekitar bandar Kudat pada satu ketika adalah dihuni oleh orang Rungus begitu juga dengan tanah di sekitar pekan Sikuati. Sejak zaman kolonial hingga ke hari ini, tanah di sekitar kedua-dua tempat tersebut telah dimiliki oleh orang Cina. Perkembangan ini yang diiringi dengan pertambahan penduduk telah menyebabkan masalah kekurangan tanah semakin meruncing.

Satu-satunya tindakbalas masyarakat Rungus dengan perkembangan tersebut ialah dengan mengukuhkan kedudukan sempadan kampung secara lebih ‘explicit’ (Appell, 1991). Kayu hasil tebangan oleh penduduk luar yang membuka ladang di kawasan kampung lain akan dibakar sebelum kering sepenuhnya supaya pembakaran yang sebenar tidak dapat dilakukan dan kawasan tersebut terpaksa ditinggalkan.

Tindakan ini semakin berleluasa (pada masa itu) hingga ketua-ketua kampung bermesyuarat dan bersetuju bahawa seseorang yang membuka ladang di kawasan kampung lain tanpa kebenaran akan didenda dengan membayar gong kepada ketua kampung terlibat.

Sementara itu beberapa buah kampung yang berada di kaki sebuah bukit (Bukit Gumantung, 400m- anggaran) telah membuat perjanjian lisan bahawa hutan primer di bukit tersebut tidak akan ditebang untuk tujuan pertanian. Kawasan tersebut diisyiharkan oleh ketua-ketua kampung terlibat sebagai kawasan bersama dan sesiapa sahaja boleh mengambil hasil hutan di sana dengan syarat tidak melakukan penebangan untuk tujuan pertanian pindah. Kawasan tersebut juga merupakan kawasan tадahan air yang amat penting kerana bekalan airnya tidak kering pada musim kemarau, tidak seperti di kawasan tадahan yang lain. Bagaimanapun apabila ada segelintir yang tidak mematuhi persefahaman ini khususnya oleh individu yang berpengaruh atau saudara-mara mereka, maka persefahaman ini tidak dapat dikuatkuasakan sepenuhnya. Orang-orang kampung mengadukan hal ini pula kepada Jabatan Perhutanan. Hasilnya kawasan tersebut telah digazetkan sebagai Hutan Simpan Kerajaan Negeri (Sabah).

Hingga pada tahun 1990 tidak ada sesiapa pun yang dibenarkan membuka atau mengambil tanah di kawasan gunung tersebut. Masyarakat di kampung-kampung terlibat gembira dengan penguatkuasaan Jabatan Perhutanan ini. Mereka masih boleh keluar masuk mengambil hasil hutan di gunung tersebut dan gunung tersebut masih menjadi punca air bersih yang bekalannya terjamin. Bagaimanapun sebahagian kawasan simpanan tersebut seluas 900 ekar telah diserahkan kepada Lembaga Tabung Getah

Sabah untuk ditanam dengan getah. Konflik hebat berlaku di antara pihak yang berkepentingan dengan projek tersebut (LTG) dan beberapa tokoh setempat. Kebanyakan masyarakat kampung khususnya di Kampung Tinangol lebih suka supaya kawasan tersebut dikekalkan. Kebimbangan utama mereka ialah masalah kekurangan bekalan air yang mungkin timbul daripada projek tersebut. Bagaimanapun, akhirnya majoriti penduduk terpaksa beralih dengan pembangunan tersebut kerana pengaruh politik dan birokrasi tidak menyebelahi mereka.

Kegagalan berturut-turut dua pemerintah (zaman kolonial dan Malaysia) mengambilkira atau sekurang-kurangnya memahami sistem pemilikan tanah tradisional telah menyebabkan hak mereka dinafikan apabila berurus dengan ‘orang luar’ yang tahu mengeksplotasi sistem pemilikan individu iaitu satu-satunya yang dianggap sah. Perubahan ke atas sistem pemilikan tanah mula berlaku secara lebih menyeluruh apabila mubaligh-mubaligh Kristian memberikan galakan kepada orang-orang Rungus untuk memohon tanah hakmilik persendirian daripada pihak pemerintah. Para mubaligh merasa bimbang bahawa orang luar khususnya orang Cina akan ‘memiliki’ tanah penduduk tempatan melalui permohonan dan kelulusan yang sah daripada pemerintah. Galakan dan kebimbangan mereka ini telah menyebabkan orang Rungus mula berlumba-lumba untuk membuat permohonan tanah. Bagaimanapun harapan para mubaligh tersebut supaya orang Rungus mengusahakan tanah mereka dengan tanaman jualan tidak kesampaian. Ini kerana melalui pemilikan persendirian ini, orang Rungus mendapatkan mereka lebih mudah menjual tanah tersebut terutama kepada orang luar (Cina) untuk mendapatkan tunai dengan cepat. Kebenaran daripada ketua kampung tidak diperlukan lagi. Penjualan tanah ini telah menyebabkan masalah kekurangan tanah dari segi kuantiti

semakin dirasakan pada masa ini lebih-lebih lagi kegiatan menjual tanah ini masih berlaku hingga sekarang.

Walaupun kekurangan tanah dari segi kuantiti sedang dihadapi, namun kekurangan ini tidak jelas sekurang-kurangnya untuk tujuan pertanian pindah kerana masyarakat Rungus telah membina mekanisme mereka untuk mengatasi masalah ini. Keluarga yang tidak bertanah atau tidak mempunyai kawasan yang sesuai untuk pertanian pindah boleh meminta kebenaran daripada saudara-mara ataupun bukan saudara-mara dalam kampung yang sama untuk membuka *tagad* di tanah orang berkenaan.

Jadual 4.1 menunjukkan tempat tapak *tagad* dibuka di kedua-dua kawasan kajian. Dapat diperhatikan bahawa hanya 55.5% *tagad* dibuka di tanah sendiri di kedua-dua kawasan kajian. Masalah kekurangan kawasan tanah yang lebih serius di Kg. Tinangol menyebabkan hampir separuh *tagad* dibuka samada di tanah saudara-mara ataupun tanah orang lain (biasanya dengan keizinan) iaitu 31% di tanah saudara dan 17.2% lagi di tanah orang lain atau bukan saudara mara. Berbanding di Kg. P/R/B ‘peminjaman’ tanah masih terhad kepada kalangan saudara-mara sahaja iaitu 32.0% dan hanya 4.0% daripada tanah orang lain. Ini menunjukkan masalah kekurangan tanah sudah mula berlaku tetapi mekanisme mengatasi kekurangan ini masih berlangsung di kalangan saudara-mara tanpa melibatkan orang lain. Lagipun petempatan di Kg. P/R/B yang relatifnya lebih kecil menunjukkan pertalian saudara masih rapat di ketiga-tiga kampung ini.

Jadual 4.1
Tempat Membuka *Tagad* Pada Musim 1995/96

Tempat	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tanah sendiri	15	51.7	15	60.0	30	55.5
Pinjam tanah saudara	9	31.0	8	32.0	17	31.5
Pinjam tanah orang lain	5	17.2	1	4.0	6	11.1
Sewa tanah saudara	-	-	-	-	-	-
Sewa tanah orang lain	-	-	-	-	-	-
Tanah belum dimiliki	-	-	1	4.0	1	1.9
Tidak berkenaan ^(a)	1	-	5	-	6	-
Jumlah	30	100	30	100	60	100

^(a)Tidak berkenaan ialah petani yang tidak membuka *tagad* pada musim 1995/96 kerana samada membuka sawah (2 orang), menumpang dengan *tagad* anak (1 orang) dan komitmen pekerjaan lain (3 orang, salah satunya dari Kg. Tinangol). Mereka tidak termasuk dalam pengiraan peratusan.

Jelas sekali bahawa pemilikan secara ‘devolvable usufruct’ masih diamalkan oleh petani-petani Rungus walaupun sistem pemilikan tanah secara individu telah lama diterima malah diamalkan. Nyata sekali, prinsip atau fahaman bahawa tanah adalah milik komuniti telah menjadi satu strategi menghadapi masalah kekurangan tanah untuk tujuan pertanian pindah.

4.3 Pertanian Pindah Sebagai Kegiatan Ekonomi

4.3.1 Perspektif Bioregional

Pertanian pindah sering disalah anggap sebagai merosakkan alam sekitar, mengurangkan kesuburan tanah serta meningkatkan kadar hakisan (contohnya FAO, 1957). Bahkan sistem tradisional ini dianggap “cara pertanian yang ketinggalan zaman

dan tidak menggunakan teknologi moden yang ada pada masa ini" (Sarawak Tribune, Sept. 26, 1981). Dakwaan yang paling kerap mengenai kesan negatif pertanian pindah ialah sistem ini mendatangkan kerosakan jangka panjang yang serius terhadap kesuburan serta menyebabkan larian air yang deras. Menurut dakwaan ini, akibat yang akan timbul ialah meningkatnya masalah banjir, mendapan berlebihan serta menyebabkan pencemaran air. (Jabatan Pertanian Sarawak, 1978: 1). Bagaimanapun dakwaan utama ini didapati bertentangan dengan maklumat yang disediakan oleh Unit Pemeliharaan Tanah, Jabatan Pertanian Sarawak. Data yang disediakan oleh unit berkenaan menunjukkan bahawa hakisan tanah dan larian air (runoff) adalah minima. (Hatch, 1982)

Jadual 4.2 menunjukkan kehilangan tanah dan 'runoff' daripada hutan sekunder (seperti bekas dibuka sebagai pertanian pindah) adalah kurang berbanding dengan kehilangan tanah dan 'runoff' di hutan primer. Ini adalah bertentangan sama sekali dengan pendapat umum yang menyatakan sebaliknya.

**Jadual 4.2
Keputusan Ujian Hakisan Tanah di Daerah Kuching,
Sarawak Pada 1981-1983**

Jenis tanah	Min kehilangan tanah (tan/hektar)	Min 'runoff'** (%)
Hutan primer	0.14	4.86
Hutan sekunder	0.05	2.51
Ladang padi di bukit*	0.18	2.54
Ladang padi bukit (berteres)	0.52	13.93
Tanah gondol (bare plot)*	24.67	40.42

* Keputusan ujian satu tahun sahaja

** Min hujan ialah 3498 mm.

Sumber: Unit Pemeliharaan Tanah, Jabatan Pertanian, Kuching.

Tanggapan negatif terhadap kegiatan pertanian pindah bagaimanapun telah mengalami perubahan sejak 1960. ‘Trend’ baru ini cuba memperbaiki kesahaman umum mengenai sistem pertanian ini. Usaha-usaha ini bersepakat bahawa usaha untuk memahami dan memajukan pertanian pindah seharusnya dilakukan dan bukannya cuba menghapuskan sistem ini (Nye dan Greenland, 1960; Spencer, 1966; FAO, 1974; Greenland, 1975; Clarke, 1976; Chin, 1977; Kunstadter et.al., 1978; Dove, 1983; Uexkull, 1984). Geertz dalam kajian klasiknya di Indonesia menyatakan bahawa tempoh penggunaan yang singkat dan masa ‘fallow’ yang panjang membolehkan keseimbangan ekologi berlaku. Oleh itu, beliau berpendapat tidak timbul persoalan ‘mengganggu’ alam sekitar. Penghasilan juga adalah memuaskan (untuk per-orang) yang boleh menampung keperluan makanan sesebuah kawasan. (Geertz, 1963: 23-24). Eckholm dalam pemerhatiannya menyimpulkan bahawa, di kebanyakan negara tropika “tidak ada alternatif sistem pengeluaran yang boleh diintegrasikan dengan alam sekitar dan kemampuan ekonomi penduduk setempat” (1976: 139). Program Alam Sekitar Bangsa-Bangsa Bersatu dan Man and Biosphere Programme telah menyeru agar isu pertanian pindah ditangani dengan pendekatan yang lebih bermaklumat dengan menekankan skop dan kesan sebenar masalah ekologi yang terlibat serta saranan penyelesaian yang lebih realistik (Grandstaff, 1981: 28).

Cobb (1988: 110) yang telah menjalankan kajian mengenai pertanian pindah di Sarawak pula menegaskan bahawa sistem ‘potong dan bakar’ (pertanian pindah) di Sarawak adalah paling sesuai untuk memenuhi keperluan makanan penduduk di pedalaman. Sistem ini beliau nyatakan sebagai sesuai untuk mengatasi masalah tanah

berasid di Sarawak. Pembakaran akan mengurangkan keasidan serta meningkatkan pH tanah.

Cobb juga menegaskan bahawa melalui pembakaran, manusia telah dapat menggunakan nutrien yang tersimpan di permukaan tanah. Nutrien ini (kecuali sulfur dan nitrogen) tersimpan dalam abu pembakaran. Sulfur dan nitrogen hilang melalui gas (semasa pembakaran). Nye dan Greenland (1960) bagaimanapun mendapati nitrogen bertambah apabila pembakaran selesai. Ini adalah akibat perubahan bentuk nitrogen yang mengalami 'mineralisation' atau 'nitrification'. (Cobb, 1988, 111).

Jadual 4.3
Analisa Kandungan Organik Dalam Tanah Perang
(Orangeclay Loam) Sebelum dan Sesudah Pembakaran

Sampel	Nitrogen (%)	Kandungan fosforus (P2O5) dlm p.p.m.	Kandungan Potash dlm. p.p.m.	pH**
Tanah sebelum dibakar	0.078	Tiada	8.4	5.15
Tanah selepas dibakar	0.032	245.0	330.0	6.18

p.p.m. = 'parts per million'

** = Dalam skala asid/alkali 0 - 14, 7 adalah neutral. Skala pH adalah 'algorithmic', oleh itu pH 5 adalah 10 kali lebih berasid daripada pH 6. Kebanyakan tumbuhan hidup di tanah yang mempunyai sedikit asid. Keasidan 6.18 adalah 'acceptable'. Keasidan 5.15 adalah sangat berasid bagi kebanyakan tumbuhan.

Sumber: Kerajaan Malaysia, 1981; 3 : A Gardening Handbook for Singapore and Malaysia, 1979.

Kesan positif yang diperolehi daripada pembakaran ke atas pH dan kandungan organik ialah meningkatnya 'cation exchange capacity (CEC) tanah yang meningkatkan kesuburan (tanah). Peningkatan yang paling dramatik ialah kandungan fosforus yang meningkat di antara 7 hingga 25 kilogram per-hektar tanah. Kebanyakan kawasan

pertanian pindah didapati mengalami kekurangan dalam bahan ini dan pembakaran merupakan satu teknik yang membolehkan tanah di kawasan tersebut produktif untuk tujuan pertanian. (Nye dan Greenland, 1960).

Selain itu, pembakaran juga membantu menghapuskan organisme dan serangga yang berbahaya kepada tanaman. Di samping itu pembakaran yang baik juga akan memusnahkan benih rumpai yang akan mengganggu tumbesaran tanaman pertanian. Kajian juga mendapati haba yang dijana semasa pembakaran mempunyai kesan yang baik kepada aktiviti dan populasi organisme yang berguna (untuk tanaman). Bakteria yang mengeluarkan nitrogen ('anaerobic nitrogen-fixing bacteria') seperti *Clostridium* spp didapati meningkatkan aktiviti mereka. Bakteria yang terhapus (semasa pembakaran) seperti *Beijerinckia*, didapati secara relatif lebih cepat berkoloni semula. (Moran, 1979: 270).

Moran, 1979 menyimpulkan bahawa amalan pertanian potong dan bakar bukan sahaja boleh menampung keperluan makanan tetapi juga boleh menjadi sebahagian daripada keseimbangan ekologi. Jika dibandingkan dengan sistem pertanian 'monocrop', didapati pertanian 'monocrop' terpaksa berhadapan dengan masalah penggunaan baja, racun, rumpai dan kehabisan nutrien akibat intensiti penanaman yang terlalu tinggi. Sebaliknya sistem tanaman 'intercrop' yang diamalkan oleh petani pindah adalah 'imitation of the natural ecosystem': pelbagai tanaman, ketinggian yang berbeza serta melindungi tanah daripada radiasi matahari dan kehausan nutrien.

4.3.2 Pertanian Pindah dalam Masyarakat Rungus

Di kalangan kaum Rungus di luar bandar, pertanian pindah masih memainkan peranan yang amat penting dalam membekalkan keperluan makanan sepanjang tahun. Walaupun ramai yang mempunyai tanaman jualan terutamanya kelapa, tetapi tanaman jualan ini lebih berperanan sebagai satu sumber tunai untuk menampung keperluan lain yang tidak dapat dikeluarkan melalui pertanian pindah.

Jadual 4.4
Pekerjaan Ketua-Ketua Isi Rumah
di Empat Kampung Kawasan Kajian Pada 1996

Pekerjaan	Kg. Tinangol Bil.	Kg. Panudahan Bil.	Kg. Rita Bil.	Kg.P.Buranak Bil.
Petani (aktif)	59	62.1	16	88.9
Petani (uzur) ^(a)	5	5.2	2	11.1
Pemandu Bas	3	3.2	-	-
Perubatan	7	7.4	-	-
Guru Sekolah	4	4.2	-	-
Peruncit	2	2.1	-	-
Tukang Kebun	2	2.1	-	-
KEMAS	2	2.1	-	-
Lain-lain ^(b)	11	11.6	-	-
Jumlah	95	100	18	100
			20	100
			20	100

^(a)Petani uzur = Pekerjaan asal adalah petani tetapi tidak meneruskan lagi kerana sakit atau tua.

^(b)Lain-lain = Insuran/Kerani/Jaga/Peniaga minuman/Warden/Kilang/SAFODA/Buruh/Wakil Ketua Anak Negeri masing-masing satu orang.

Jadual 4.4 menunjukkan kepentingan pekerjaan petani sebagai pekerjaan utama di kedua-dua kawasan kajian. Dapat diperhatikan bahawa walaupun secara relatifnya, Kg. Tinangol lebih dahulu mendapat kemudahan pendidikan (pada tahun 1963 sekolah rendah Tinangol dibuka) tetapi masih ramai khususnya golongan tua yang menjadi petani iaitu 59 ketua keluarga (62.1%). Bagaimanapun di Kg. Panudahan, Rita dan Buranak (Kg. P/R/B). Peratus yang menjadi petani ialah amat tinggi iaitu di antara 85 hingga 100%. Peratusan yang agak tinggi di kedua-dua kawasan ini menunjukkan bahawa pekerjaan petani pindah menjadi pekerjaan terpenting sebagai sarahidup. Sebaliknya, peluang generasi yang lebih muda mendapatkan kemudahan pendidikan menyebabkan pekerjaan ini menjadi pilihan terakhir. Peluang bekerja dengan kerajaan atau swasta menjadi pilihan utama. Pekerjaan petani akan menjadi pilihan sekiranya kelulusan yang baik gagal diperolehi dalam pelajaran di sekolah.

Selain itu hasil-hasil lain ialah jagung, sayur-sayuran, kayu api dan tanaman tambahan seperti ubi kayu, ubi manis dan betik. Idealnya kegiatan ekonomi pertanian pindah memberikan keperluan makanan untuk sepanjang satu tahun pengeluaran.

Secara tradisional kegiatan pertanian pindah sebenarnya jauh lebih penting. Sebelum matawang digunakan dengan meluas, hasil padi merupakan petunjuk nilai kekayaan seseorang. Bahkan jumlah padi dalam simpanan sepanjang tahun dijadikan satu petanda mengenai keperibadian seseorang ketua isi rumah dan keluarganya. Petani yang mempunyai simpanan padi yang banyak akan dihormati kerana beliau seorang yang rajin, baik hati (sebab itu padi menjadi) serta mempunyai ciri-ciri kepemimpinan. Bagi masyarakat Rungus, seseorang pemimpin seperti ketua kampung tidak akan lengkap

kepemimpinannya jika hasil padi beliau adalah sama atau kurang daripada orang lain. Hasil padi yang banyak membolehkannya (ketua kampung misalnya) menjadi orang pertama untuk menghulurkan bantuan sekiranya anak buahnya memerlukan. Lebihan padi setiap tahun tidak akan disimpan lebih daripada setahun kerana padi tersebut akan rosak. Lebihan padi ini akan ditukarkan dengan peralatan tradisional seperti gong, pakaian tradisional lelaki dan wanita, binatang ternakan dan peralatan lain yang boleh disimpan. Biasanya peralatan tradisional terutama gong diberi keutamaan kerana ia mudah disimpan, tahan lama, mempunyai nilai estetika serta mudah dibawa ke sana ke mari. Seorang petani yang selalu mempunyai lebihan padi akan didapati mempunyai banyak peralatan tersebut.

Sekiranya padi pada sesuatu musim pengeluaran tidak menjadi, peralatan tradisional tadi akan digunakan sebagai bahan pertukaran untuk mendapatkan bekalan padi dan jagung. Peralatan tradisional itu juga amat berguna sebagai barang berian pihak lelaki dalam majlis perkahwinan. Peralatan tradisional ini juga berguna sebagai satu bentuk pampasan atau denda dalam sistem adat masyarakat Rungus. Seseorang yang mencederakan orang lain misalnya akan didenda satu gong dan seekor ayam sebagai ganti rugi. Bagi kesalahan membunuh pula, seseorang itu boleh didenda sehingga 40 buah gong. Selain itu, peralatan kebudayaan ini juga menjadi satu alat untuk mengukuhkan kebudayaan orang Rungus melalui penggunaannya dalam upacara-upacara rasmi dan tidak rasmi umpamanya upacara sambutan Pesta Menuai dan majlis perkahwinan (acara rasmi) dan majlis sambutan musim memijak padi dijalankan sebaik sahaja padi dileraikan dari tangkainya dengan cara memijak tangkai-tangkai padi yang sudah dituai.

Walaupun produktiviti pertanian pindah sentiasa dipertikaikan tetapi jika dilihat daripada segi sumbangannya dalam menyediakan keperluan makanan dan sebagai satu sumber status dan kawalan sosial maka dapat disimpulkan bahawa pertanian pindah merupakan alternatif ekonomi yang paling cekap di luar bandar. Modal yang diperlukan dalam bentuk tunai adalah amat sedikit kerana sebahagian besar pekerjaan dijalankan dengan menggunakan tenaga sendiri atau dengan bentuk-bentuk kerjasama yang diamalkan di sesuatu tempat tersebut. Sebenarnya dengan menjalankan kegiatan pertanian pindah, individu bebas mengawal kegiatan ekonominya sendiri. Hasil keluaran mereka tidak terikat dengan perubahan komoditi pertanian yang sensitif kepada harga pasaran seperti getah, koko dan kelapa. Bagi mereka yang mempunyai kebun tanaman jualan seperti yang disebutkan, hasil jualan tersebut akan dapat memenuhi keperluan-keperluan yang tidak dapat dikeluarkan sendiri.

Jadual 4.5
Pembukaan Tagad Pada Musim 1995/96

Tagad	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Ada membuka	29	96.7	25	83.3	54	90
Tidak buka :	-	-	-	-	6	10
Sebab Masalah Kesihatan	-	-	2	6.7	-	-
Kegiatan lain	1	3.3	2	6.7	-	-
Sebab lain	-	-	1*	-	-	-
Jumlah	30	100	30	100	60	100

*Menumpang di tagad menantu

Jadual 4.5 menunjukkan bilangan dan peratusan responden yang membuka *tagad* pada musim 1995/96. Didapati bahawa 29 atau 96.7% responden di Kg. Tinangol membuka *tagad* manakala 25 atau 83.3% di Kg. P/R/B yang berbuat demikian. Selain itu terdapat juga 6 atau 10% yang tidak membuka *tagad*. Antara sebab yang diberikan ialah masalah kesihatan, membuka sawah, mempunyai kegiatan ekonomi lain (pada musim 1995/96) dan menumpang dengan *tagad* menantu.

4.4 Proses Membuka Ladang (*Tagad*) dan Tenaga Kerja

4.4.1 Memilih Tapak

Proses membuka *tagad* dimulakan dengan pemilihan tapak. Pemilihan tapak merupakan peringkat yang amat kritikal kerana ini akan menentukan hasil yang akan diperolehi nanti. Pemilihan tapak akan mengambilkira sekurang-kurangnya 2 perkara iaitu: (a) kawasan tersebut belum dimiliki (belum ditempah), dan (b) kesuburan tanah.

Biasanya, pada musim memilih tapak ini, ahli-ahli dalam kampung tersebut akan mengisytiharkan kawasan yang mereka pilih supaya diketahui oleh orang lain. Secara tradisionalnya tapak pertanian diperolehi berdasarkan ‘siapa dulu dia dapat’. Amalan ini bagaimanapun dijalankan dengan toleransi yang tinggi. Petani-petani yang lebih muda biasanya akan membuka *tagadnya* di kawasan yang lebih jauh dan membiarkan kawasan-kawasan yang dekat untuk dibuka oleh petani-petani yang lebih tua. Pemilihan tapak ini adalah tanggungjawab suami sahaja. Pada masa sekarang, sistem pemilikan tanah persendirian menyebabkan lebih ramai yang memilih untuk membuka *tagad* di tanah sendiri. Keadaan ini mengurangkan pilihan kawasan yang boleh dibuka kerana

kebanyakan kawasan sudah dimiliki secara individu. Pemilikan persendirian ini juga menyebabkan ada individu yang mempunyai kawasan yang berlebihan untuk dibuka dan ada pula individu yang kurang atau tiada langsung.

(b) Kesuburan Tanah

Kesuburan tanah boleh diketahui dengan melihat jenis tanah dan usia pokok yang tumbuh di kawasan tersebut. Secara idealnya tapak yang sesuai adalah tanah yang mengandungi kandungan nutrien yang tinggi dan usia pokok yang lebih 10 tahun. Bagaimanapun biasanya petani hanya mengambil kira usia pokok di kawasan tersebut. Ini kerana walaupun tanah berkenaan mungkin kurang subur (berpasir, berbatu dan sebagainya) tetapi baja yang didapati hasil dari penebangan dan pembakaran kawasan tersebut mampu memberikan kesuburan yang diperlukan oleh tanaman khususnya padi.

Kadang-kadang sesuatu tapak itu akan digunakan selama dua musim berturut-turut kerana tanah di kawasan tersebut masih mempunyai kesuburan yang diperlukan untuk semusim lagi.

4.4.2 Menebang

Selepas proses memilih tapak, kerja-kerja menebang akan dilakukan. Kerja-kerja menebang ini dimulakan kira-kira pada penghujung bulan Julai. Kerja-kerja menebang biasanya dijalankan secara bergotong-royong untuk memudahkan dan mempercepatkan kerja. Sekiranya seseorang berhasrat untuk membuka ladang yang agak besar (lebih 1.5 hektar atau 3.7 hektar) kerja secara bergotong-royong akan membolehkan pokok-pokok

yang ditebang akan kering serentak kerana pokok-pokok itu ditebang pada hari yang sama.

4.4.3 Membakar

Hutan yang sudah ditebang perlu dibakar. Musim membakar *tagad* ialah pada bulan September dan Oktober. Pokok yang ditebang perlu dibiarkan sekurang-kurangnya sebulan sebelum dibakar. Sebelum kerja membakar dijalankan tuan *tagad* akan membersihkan daun-daun kering di sekeliling *tagad*nya untuk mengelakkan api merebak ke hutan yang tidak ditebang. Lebar kawasan yang dibersihkan ini ialah antara lima ke lapan kaki bergantung kepada kecerunan *tagad*.

Kerja membakar dijalankan pada waktu petang. Kerja membakar perlu dijalankan secara bergotong-royong (biasanya tidak kurang lima orang) untuk memastikan api tidak merebak ke kawasan yang tidak sepatutnya. Wanita kurang digalakkan menyertai kerja membakar untuk tujuan keselamatan.(lihat plat 2)

Pembakaran yang baik berlaku dengan cepat dan hangus. Pembakaran yang tidak baik berlaku lebih lama serta meninggalkan banyak batang dan daun-daun kering yang sepatutnya terbakar. Sekiranya pembakaran tidak sempurna maka batang-batang kayu yang ringan dikumpul dan dibakar semula. (rujuk Jadual 4.7).

4.4.4 Menanam

Kerja mananam dilakukan pada keesokan hari selepas kerja membakar dilakukan. Benih sayur seperti labu, timun kampung, tembikai, peria, cili api dan sebagainya akan

ditanam terlebih dahulu. Benih sayur ini ditanam di kawasan yang mempunyai lapisan abu yang paling tebal, biasanya di tempat pembakaran semula dilakukan.

Penanaman sayur diikuti dengan penanaman benih jagung. Biasanya jagung ditanam di seluruh kawasan *tagad*. Jagung ini mengeluarkan hasil dalam masa tiga bulan. Secara tradisional, sekiranya padi sudah habis pada masa itu, jagung menjadi pilihan kedua sebagai makanan utama. Tenaga utama yang terlibat dengan penanaman sayur dan jagung ini hanya pemilik *tagad* dan kerja-kerja di peringkat ini lebih merupakan ‘family affair’. Semua ahli keluarga termasuk yang masih kecil (lima ke sepuluh tahun) akan diberi peluang menanam benih sayur jika kebetulan anak tersebut berada di *tagad* pada masa itu.

Selepas menanam sayur dan jagung, kerja menanam padi diluluskan. Masa menanam padi ini perlu dilakukan dalam masa yang hampir serentak dengan kampung-kampung berdekatan. Ini adalah untuk mengelakkan ancaman perosak terutama burung pipit. Jika menanam terlalu awal, burung akan bertumpu di *tagad* tersebut kerana *tagad* lain belum mengeluarkan buah. Sebaliknya jika lewat menanam (berbanding dengan orang lain) burung akan bertumpu di *tagad* tersebut kerana kawasan lain sudah dituai. Biasanya, untuk saiz ladang yang besar, kerja menanam (*menugal*) dilakukan secara bergotong-royong. Kegagalan menanam pada musim yang sama dengan orang lain akan menyebabkan kerosakan yang teruk terhadap padi (Rujuk Jadual 4.7).

Pada masa gotong-royong, kaum lelaki akan membuat lubang pada tanah dengan menggunakan batang kayu yang hujungnya ditajamkan. Jarak di antara lubang adalah

dalam lingkungan 0.3 hingga 0.5 meter. Jarak yang terlalu dekat menyukarkan kerja-kerja merumput. Lubang yang terlalu jauh pula membazir ruang. Kedalaman lubang pula adalah dalam lingkungan 6 cm. Kaum wanita pula memasukkan benih padi tersebut ke dalam lubang yang tersedia sambil menimbus lubang tersebut dengan memijaknya. Kerja menanam ini biasanya selesai dalam masa sehari atau dua hari.

4.4.5 Merumput dan Membuat Pondok Padi (*Sulap*)

Kerja-kerja membuat *sulap* yang tetap iaitu tempat berteduh dan tempat menyimpan padi biasanya dilakukan apabila padi mula tumbuh. Bahan binaan untuk membuat *sulap* biasanya diperolehi semasa menebang *tagad* atau di hutan yang berdekatan. Ukuran biasa sebuah *sulap* adalah 6 x 8 kaki. Kerja-kerja membuat *sulap* ini adalah eksklusif untuk kaum lelaki. Kerja-kerja membuat *sulap* boleh selesai dalam masa tiga hingga ke tujuh hari. Pada masa ini kaum wanita bolehlah dikatakan dalam keadaan rehat kerana rumput belum tumbuh di *tagad*. Biasanya masa ini digunakan untuk membuat kraftangan, menanam sayur di halaman rumah, memancing/menangkap ikan atau mengikut suami di *tagad* sambil memeriksa benih sayur, jagung dan padi yang telah ditanam

Selepas lebih kurang 10 hari, rumput mula tumbuh di *tagad*. Kerja-kerja merumput dimulakan beberapa hari kemudian. Kerja merumput merupakan kerja yang paling sukar dan memerlukan. Kerja merumput dilakukan dengan menggunakan dua jenis parang. Satu dipanggil *dazab* dan *lianggi*. (lihat plat 21)

4.4.6 Menuai dan Memijak Padi

Selepas musim merumput pusingan kedua, kerja yang akan dilakukan ialah menjaga padi daripada serangan perosak terutama burung pipit. Semasa padi hampir masak, pemilik biasanya akan menuai padi yang hampir masak untuk digoreng tanpa minyak sebelum ditumbuk. Padi ini dikenali sebagai ‘beras baru’ dan amat wangi. Apabila padi masak sepenuhnya kerja-kerja menuai akan dijalankan dengan menggunakan alat menuai yang dipanggil *linggaman*. Padi yang sudah dituai dimasukkan ke dalam guni kemudian dihantar ke *sulap* untuk penyimpanan. Apabila hampir semua orang selesai menuai di kampung tersebut maka tibalah masanya untuk memijak padi untuk meleraikan biji padi daripada tangkainya (*mongulok*) untuk memudahkan penyimpanan dalam guni dan juga mudah mengangkat. Kerja menuai ini biasanya dilakukan secara bergotong-royong dan begitu juga dengan memijak. Bagaimanapun biasanya hanya kaum lelaki yang melakukan kerja memijak kerana kerja ini agak memenatkan. (lihat plat 3 dan 4)

Secara keseluruhannya, cara petani mengatur pekerjaan sepanjang satu tahun pengeluaran padi bukit ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 4.7 menunjukkan peratus keutamaan sesuatu bentuk tenaga kerja dalam mengusahakan *tagad* di Kg. Tinangol dan di Kg. P/R/B. Seperti yang telah dijelaskan dalam Bahagian 3.4, proses membuka *tagad* mempunyai 6 atau 7 jenis pekerjaan (menuai dan memijak diasingkan dalam jadual ini) yang perlu dilakukan. Semua pekerjaan ini memerlukan tenaga buruh yang intensif. Jadual ini akan menjelaskan

bagaimana agihan kerja dilakukan di antara kaum lelaki (khususnya suami) dan wanita (isteri) serta kepentingan tenaga kerja secara bergotong-royong dan secara mengupah.

Jadual 4.6

Jadual Kerja Tahunan Petani Pindah di Daerah Kudat, Sabah

Bulan	Aktiviti
Julai	Memilih/mencari tapak <i>tagad</i> untuk tahun berkenaan
Ogos	Memotong/menebang/menebas
September	Membiarakan kayu yang ditebang kering
Oktober	Membakar dan menanam jagung dan sayur-sayuran
November	Menanam padi bukit dan ubi
November/Disember	Merumput Membina <i>sulap</i>
Januari	Memetik jagung
Januari/Februari	Mula menuai secara memilih padi yang hampir masak
Mac/April	Musim menuai, memijak, menyimpan padi
Mei/Jun	Petani berehat dan merayakan Pesta Menuai Melakukan kerja harian

Bagi kerja menebang, 43.8% kerja dilakukan secara bergotong-royong dan 25% lagi dilakukan berseorangan oleh ketua isi rumah (suami) di Kg. Tinangol. Sebaliknya di Kg. P/R/B, tenaga terpenting di peringkat ini ialah suami iaitu 62% berbanding dengan hanya 17.2% masing-masing bagi gotong-royong dan upahan. Keadaan ini kemungkinan besar dipengaruhi oleh keluasan kawasan simpanan kampung. Kawasan yang lebih sempit di Kg. Tinangol menyebabkan *tagad* dibuka berhampiran di antara satu sama lain. Dalam kes ini, petani-petani yang berdekatan akan mengerjakan keseluruhan

kawasan yang mereka mahu buka kemudian selepas peringkat membakar mereka akan meletakkan batang-batang kayu sebagai sempadan untuk membahagikan kawasan. Keluasan kawasan individu bergantung kepada kadar kehadirannya semasa kerja menebang dijalankan. Di Kg. P/R/B pula, kawasan simpanan yang lebih luas menyebabkan jarak *tagad* adalah berjauhan di antara satu sama lain dan kurang menggalakkan kerja secara bergotong-royong.

Jadual 4.7
Tenaga Yang Mengerjakan Tagad Pada Musim 1995/96
Mengikut Keutamaan Dalam Peratusan

Tenaga	Menebang T. P	Membakar T. P	Menanam T. P.	Merumput T. P.	Menuai T. P.	Memijak T. P	Pondok T. P.
Su	25 62	10.3 12	- 3.4	9.1 -	3.2 -	29.6 24	83 91
Is	- -	- -	- 3.4	6.1 -	- -	- -	- -
Su/Is	6.3 -	3.4 -	20 27.6	52 62	29 56	59.3 20	- 5
S/I/A	6.3 -	- -	3.3 -	9.1 19	7 15	4 4	- -
Cmprn	6.3 3.4	3.4 -	- -	3 8	- 7	4 8	- -
Go.ro.	43.8 17.2	83 89	67 62	9.1 8	61 7	4 44	7 -
Upah	12.5 17.2	- -	10 3.4	12 4	- 15	- -	10 5
Jumlah %	100 100	100 100	100 100	100 100	100 100	100 100	100 100

*Tenaga kerja mungkin lebih daripada satu jenis dalam sesuatu peringkat kerja. Misalnya kerja merumput mungkin menggabungkan tenaga suami/isteri, gotong-royong dan upah.

Petunjuk:

- Su** = Suami sahaja
- Su/Is** = Suami dan isteri sahaja
- S/I/A** = Gabungan suami, isteri dan anak
- Cmprn** = Campuran (suami, datuk, ipar, menantu dan lain-lain.)
- Go.ro.** = Gotong-royong (*rogop*)
- Upah** = Tenaga orang lain yang dibayar secara tunai
- T** = Kg. Tinangol
- P** = Kg. P/R/B

Di peringkat membakar, kedua-dua kawasan kajian mengutamakan gotong-royong sebagai cara kerja yang utama iaitu 83% di Kg. Tinangol dan 89% di Kg. P/R/B. Ini bertujuan untuk mengawal api. Biasanya kumpulan antara 5 hingga 15 orang akan melakukan pembakaran dan kawalan api. Selebihnya dijalankan oleh suami dengan sedikit bantuan isteri. Ladang yang dibakar sendirian ini biasanya tidak luas (kurang 0.5 hektar), hutan belum matang (kurang 3 tahun) dan berhampiran dengan kawasan petempatan.

Pada peringkat menanam, kedua-dua kawasan kajian meletakkan kepentingan bergotong-royong iaitu masing-masing 67% di Kg. Tinangol dan 62% di Kg. P/R/B. Mode kerja yang kedua penting ialah tenaga suami isteri iaitu 20% di Kg. Tinangol dan 27.6% di Kg. P/R/B.

Bagi merumput pula, kedua-dua kawasan kajian meletakkan tenaga suami dan isteri sebagai yang terpenting iaitu 52% di Kg. Tinangol dan 62% di Kg. P/R/B. Bagaimanapun untuk kerja menuai, gotong-royong merupakan cara kerja terpenting di Kg. Tinangol iaitu 61% berbanding 7% di Kg. P/R/B yang mana sebaliknya meletakkan tenaga suami isteri sebagai terpenting berbanding hanya 29% di Kg. Tinangol bagi tenaga yang sama. Sekali lagi perkara ini dipengaruhi oleh jarak antara ladang seperti yang dijelaskan lebih awal.

Pada peringkat memijak padi, sekali lagi kedua-dua kawasan kajian meletakkan dua kepentingan mode kerja yang berlainan. Di Kg. Tinangol, gabungan suami dan isteri adalah terpenting iaitu 59.3% diikuti oleh tenaga suami sahaja iaitu 29.6%. Sebaliknya

hampir separuh kerja memijak (44%) dilakukan secara bergotong-royong di Kg. P/R/B diikuti tenaga suami sahaja iaitu 24% dan gabungan suami isteri iaitu 20%. Keadaan ini tidak dipengaruhi oleh jarak lagi sebagaimana di peringkat menebang dan menuai. Di Kg. P/R/B (yang secara relatifnya lebih bersikap tradisional) peringkat pekerjaan memijak merupakan ‘communal affair’. Pada masa inilah individu akan mengisyiharkan hasil *tagad* masing-masing dengan kehadiran ‘saksi-saksi’ iaitu mereka yang datang bergotong-royong memijak padi. Orang-orang kampung pula akan ‘sibuk’ menanyakan hasil padi yang dipijak pada hari berkenaan. Sebaliknya masyarakat di Kg. Tinangol pada masa ini lebih menganggap perkara ini sebagai ‘family affair’ di mana padi dipijak sedikit demi sedikit di pondok (*sulap*) oleh suami atau isteri kemudian dibawa balik untuk keperluan beberapa hari di rumah. Kejadian mencuri padi yang kerap berlaku (sejak 10 tahun kebelakangan) pada musim selepas menuai di kawasan ini merupakan kebimbangan utama yang menyebabkan padi tidak dipijak semua sekali untuk menyukarkan dan melambatkan kerja pencuri.

Kerja-kerja membuat pondok pula boleh dikatakan menjadi hak eksklusif suami 83% di Kg. Tinangol dan 91% di Kg. P/R/B meletakkan tenaga suami sebagai yang terpenting dalam tugas ini.

Jadual 4.8 menunjukkan peratus sumbangan tenaga secara kasar ke atas pengusahaan *tagad* masing-masing. Pada keseluruhannya ada tiga tenaga yang paling penting iaitu gotong-royong, tenaga suami dan gabungan tenaga suami dan isteri. Gotong-royong mencatatkan sumbangan keseluruhan sebanyak 36.2% dengan 39.2% di Kg. Tinangol dan 33.2% di Kg. P/R/B. Tenaga suami pula adalah tenaga yang hampir

sama pentingnya dengan gotong-royong di Kg. P/R/B iaitu 28.2% manakala di Kg. Tinangol tenaga suami hanya berada pada tahap ketiga terpenting iaitu 22.8%. Gabungan tenaga suami dan isteri merupakan tenaga kedua penting di Kg. Tinangol iaitu 24.2% berbanding 22.2% di Kg. P/R/B. Dapat disimpulkan bahawa tenaga suami adalah yang terpenting kerana terlibat dalam ketiga-tiga bentuk tenaga tersebut.

Jadual 4.8
Peratusan Sumbangan Bentuk-Bentuk Tenaga Kerja di Tagad
Secara Keseluruhan Pada Musim 1995/96

Tenaga	Kg. Tinangol (%)	Kg. P/R/B (%)	% Keseluruhan
Suami sahaja	22.8	28.2	25.4
Isteri sahaja	0.9	0.5	0.7
Suami dan isteri	24.2	22.2	23.2
Suami/isteri/anak	4.2	5.6	4.9
Campuran	2.3	3.9	3.1
Gotong-royong	39.2	33.2	36.2
Upah	6.3	6.5	6.4
Jumlah	100	100	100

4.5 Masalah Petani Pindah

Selain daripada menghadapi masalah kekurangan tanah kerana sistem pemilikan individu, masyarakat petani pindah hari ini juga menghadapi masalah kekurangan tanah yang berkaitan dengan kualiti tanah. Kualiti tanah dipengaruhi oleh faktor-faktor semulajadi yang setengahnya berpunca daripada tindakan manusia. Faktor yang memang

semulajadi adalah jenis tanah. Jenis tanah yang berpasir atau dikenali sebagai ‘*hobut*’ oleh masyarakat Rungus adalah tidak sesuai sama sekali untuk dibuka. Walau bagaimanapun masalah semulajadi kurang mendapat kebimbangan pada hari ini kerana terdapat masalah-masalah akibat tindakan manusia yang lebih menuntut perhatian.

Secara tradisional, peluang untuk mencari dan memilih tapak yang sesuai untuk dibuka lebih luas dan lebih bebas. Tanah adalah milik komuniti dan bukan persendirian. Penduduk kampung juga akan berpindah ke kawasan baru sekiranya kawasan mereka mengalami kekurangan kawasan untuk dibuka. Pilihan tempat untuk berpindah juga luas kerana kawasan simpanan kampung mereka luas serta jarak antara satu kampung dengan kampung yang lain agak jauh. Jumlah penduduk yang sedikit juga membantu kebebasan mereka memilih kawasan yang mahu diduduki atau mahu diterokai.

Bagaimanapun, realiti pada masa sekarang tidak sedemikian. Tanah telah menjadi milik persendirian atau kerajaan. Kebebasan untuk memilih tapak terhad di tanah sendiri sahaja. Walaupun orang-orang kampung termasuk saudara-mara mungkin membenarkan tanahnya dibuka secara percuma tetapi keizinan ini sudah tentu akan dihentikan apabila masalah kekurangan tanah semakin serius. Langkah pertama yang mungkin akan dilakukan ialah menuntut bayaran jika tanahnya dibuka oleh orang lain.

Perpindahan secara beramai-ramai ke kawasan baru seperti yang diamalkan oleh masyarakat Rungus yang lebih awal (membina rumah panjang baru di kawasan lain), bukan sahaja tidak praktikal tetapi juga tidak sesuai diamalkan pada zaman sekarang. Pertambahan penduduk telah menyebabkan kampung-kampung baru muncul di antara

kampung-kampung yang sedia ada pada sekitar 70an dan 80an. Ini telah menyebabkan kawasan sesebuah kampung menjadi semakin kecil. Kemunculan kampung-kampung baru ini sebahagiannya disebabkan oleh peraturan pemerintah yang membenarkan seorang ketua kampung dilantik apabila kampung tersebut tersebut mempunyai tidak kurang 10 keluarga. Selain itu, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) juga wajib ditubuhkan apabila terdapat seorang ketua kampung. ‘Prestij’ dan elauan yang diberikan kepada ketua kampung dan pengurus JK KK (masing-masing RM100.00 sebulan) telah menggalakkan individu-individu tertentu untuk menubuhkan ‘kampung’ masing-masing dengan cara mendaftarkan kampung tersebut di Pejabat Daerah. Sebagai contohnya, di Kampung Tinangol sahaja telah muncul kampung-kampung baru di sekitarnya seperti Kampung Montuson (lewat 80an), Kampung Bavanggazo (awal 90an) dan Kampung Langkabang (pertengahan 90an). Pada masa ini hanya Kampung Langkabang yang belum mempunyai ketua kampung dan JK KK dan usaha sedang dilakukan untuk mendapatkan taraf ‘kampung’ daripada Pejabat Daerah. Selain itu, kampung-kampung pada masa ini juga telah mendapat pelbagai kemudahan infrastruktur daripada kerajaan seperti bantuan rumah panjang, sekolah, klinik kesihatan, dewan serba guna, balai raya, rumah ibadah (gereja), jalan raya, bekalan letrik, bekalan air dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan mereka tiada pilihan kecuali menetap dan membuka *tagad* di tempat terbaik mereka perolehi pada satu-satu tahun pengeluaran.

Oleh kerana ruang untuk memilih tapak semakin kurang maka tidak hairanlah jika hutan yang dibuka belum cukup matang untuk tujuan pertanian pindah. Usia hutan sepatutnya sekurang-kurang tujuh tahun. Hutan yang belum matang bukan sahaja kurang subur malah boleh menyebabkan perubahan tumbuhan daripada hutan belukar atau hutan

sekunder kepada lanskap ala Savanna. Tumbuhan utama yang mendominasi lanskap ialah lalang dan rumpai lain diikuti oleh beberapa batang pokok renek yang berjauhan antara satu sama lain. Tumbuhan seperti ini menghasilkan nutrien yang sedikit berbanding dengan hutan yang matang. Keadaan ini juga akan menyebabkan masa matang hutan di kawasan berkenaan lebih lama. Hasil yang diperolehi juga jauh lebih sedikit daripada yang sepatutnya. Sebagai kesan jangka panjang, kekurangan tanah secara kualiti dan kuantiti akan berlaku lebih cepat lagi.

Kesan sampingan daripada pembukaan hutan yang tidak matang ini ialah, rumput tumbuh dengan lebih banyak lagi kerana benih rumput tidak atau kurang terbakar semasa proses pembakaran. Ini kerana pembakaran berlaku dengan api yang kurang marak (kerana hutan muda). Rumput yang banyak ini menyebabkan kerja merumput lebih sukar dan memakan masa. Pada masa ini orang-orang kampung (di sekitar Daerah Kudat) telah menemui cara untuk mengatasi perkara ini dan mereka amat bangga dengan penemuan ini. Caranya ialah membiarkan rumput tumbuh selepas peringkat membakar. (Jika mengikut kebiasaan, pada hari pertama, kedua dan ketiga selepas membakar, kerja-kerja menanam dijalankan). Rumput akan dibiarkan tumbuh selama lebih kurang dua minggu kemudian disembur dengan racun rumpai berjenama *Gromoxone*. Apabila rumput telah mati, kerja menanam dilakukan dua atau tiga hari kemudian. Dengan cara ini rumput tidak akan tumbuh atau hanya sedikit yang tumbuh dan kerja-kerja merumput hanya pada kadar minima. Malah kekuatan racun rumpai tersebut menyebabkan kerja merumput pusingan kedua mungkin tidak perlu dijalankan.

Walaupun cara ini amat berkesan untuk mengawal rumpai, tetapi harga bahan ini yang mahal di pasaran (RM12.00 satu liter) menyebabkan tidak semua petani mampu membelinya. Perbelanjaan yang diperlukan untuk keluasan *tagad* yang biasa (sekitar 3 ekar) ialah di antara RM50.00 ke RM70.00. Selain itu, apa yang lebih membimbangkan ialah kesan jangka panjang terhadap kesihatan petani (dan generasinya) akibat daripada penggunaan bahan kimia ini.

Setakat manakah kekurangan tanah berlaku di tempat kajian? Pengkaji akan mengupas masalah ini dengan menggunakan dua petunjuk utama iaitu usia hutan yang ditebang dan jarak *tagad* dari rumah petani. Seperti yang dimaklumkan usia hutan sepatutnya sekurang-kurang tujuh tahun. Jarak ideal maksimum yang pengkaji gunakan untuk menganalisa kekurangan tanah ini ialah 2 kilometer atau 1.24 batu (perjalanan pada jarak ini mengambil masa maksimum 25 minit). Sekiranya lebih 50% *tagad* dibuka samada berusia kurang tujuh tahun atau jaraknya lebih 2 kilometer maka bolehlah disimpulkan sesebuah kampung tersebut sedang mengalami keadaan kritikal.

Jadual 4.9 menunjukkan usia hutan/pokok yang ditebang untuk tujuan pertanian pindah di kedua-dua kawasan kajian. Lebih separuh iaitu 66.1% *tagad* di kedua-dua kawasan dibuka di kawasan hutan yang sudah matang (lebih tujuh tahun). Bagaimanapun, peratusan di Kg. Tinangol lebih rendah iaitu hanya 19 (61.3%) manakala di Kg. P/R/B, peratusan ini lebih tinggi iaitu 18 (72%). Usia hutan yang paling banyak ditebang di Kg.Tinangol ialah usia antara 5 ke 6 tahun dan 9 ke 10 tahun iaitu masing-masing 9 *tagad* (29%). Manakala di Kg. P/R/B usia hutan yang paling banyak ditebang ialah antara 9 ke 10 tahun iaitu 9 (36%). Jumlah dan peratusan *tagad* yang dibuka di

kawasan hutan yang belum matang ialah 12 (38.7%) di Kg. Tinangol dan 7 (28%) di Kg. P/R/B menjadikan jumlah keseluruhan ialah 19 (33.9%). Peratusan dalam jadual ini menunjukkan bahawa kekurangan tanah dari segi kesesuaian hutan yang ditebang telah mula berlaku di kawasan kajian khususnya di Kg. Tinangol. Jumlah penduduk yang lebih ramai serta kawasan simpanan yang semakin sempit dilihat sebagai faktor utama yang menyebabkan kekurangan tanah.

Jadual 4.9
Usia Pokok/Hutan Yang Ditebang Mengikut Tagad Musim
Pengeluaran 1995/1996

Usia Hutan (Tahun)	Kg. Tinangol Bil. %	Kg. P/R/B Bil. %	Jumlah Bil. %
Kurang 1 tahun	1 3.2	- -	1 1.8
1 - 2	1 3.2	1 4.0	2 3.6
3 - 4	1 3.2	2 8.0	3 5.4
5 - 6	9 29.0	4 16.0	13 23.2
7 - 8	5 16.1	3 12.0	8 14.3
9 - 10	9 29.0	9 36.0	18 32.1
Lebih 11 tahun	5 16.1	6 24.0	11 19.6
Jumlah	31 100	25 100	56 100

Sehubungan dengan Jadual 4.9, Jadual 4.10 menunjukkan ‘land availability’ dengan menggunakan ukuran jarak *tagad* dari rumah. Ini untuk menunjukkan bahawa dua orang individu yang menebang hutan yang sama usianya belum tentu menunjukkan kedua-duanya mempunyai ‘land availability’ yang sama. Seorang mungkin berdekatan dengan rumahnya dan seorang lagi lebih jauh dari rumahnya. Kesimpulan ini dapat dilihat di Kg. Tinangol di mana lebih separuh iaitu 18 (58%) *tagad* berada pada jarak


lebih 2 km (lebih kurang setengah jam berjalan kaki). Keadaan ini mudah difahami kerana mereka mencari kawasan hutan yang lebih matang dengan bergerak jauh dari kawasan petempatan. Walau bagaimanapun, jika dilihat secara kasar, agak menghairankan juga kerana dalam masa yang sama terdapat 13 (41.9%) tagad di Kg. Tinangol yang berada pada jarak kurang 2 km. Sebenarnya keadaan ini menjelaskan bahawa kawasan simpanan di Kg Tinangol semakin sempit akibat tekanan pertumbuhan penduduk di Kg. Tinangol dan kampung-kampung sekitar. Keadaan ini menyebabkan mereka hanya ada 3 pilihan iaitu membuka ladang di kawasan simpanan kampung (yang tidak matang), di kawasan kurang 2 km, kedua; membuka ladang di pinggir kawasan simpanan kampung pada jarak 2.01 ke 3 km. (pada jarak ini sahaja terdapat 13 atau 41.9% *tagad*) dan pilihan yang ketiga ialah membuka *tagad* di kawasan hutan yang matang tetapi ‘kosong’ iaitu di luar kawasan simpanan Kg. Tinangol dan di luar (atau di dalam kawasan simpanan kampung lain tapi terlalu jauh dari petempatan kampung berkenaan). Ini menjelaskan kedudukan 5 *tagad* (16%) yang melebihi jarak 4 km dan kelima-lima *tagad* ini mempunyai hutan berusia lebih 11 tahun (rujuk Jadual 4.9).

Jadual 4.10
Jarak Di Antara Rumah Responden Dan Tagad Pada Musim 1995/1996


Jarak (Km)	0.01 - 1.0	1.01 - 2.0	2.01 - 3.0	3.01 - 4.0	Lebih 4.01	Jumlah
Kg. Tinangol	5 (16%)	8 (25.8%)	13 (41.9%)	-	5 (16%)	31 (100%)
Kg. Panudahan, Rita, Buranak	7 (28%)	4 (16%)	6 (24%)	3 (12%)	5 (20%)	25 (100%)
Jumlah	12 (21.4%)	12 (21.4%)	19 (34%)	3 (5.4%)	10 (18%)	56 (100%)

Bagaimanapun jarak ladang daripada rumah juga boleh membawa kesimpulan lain. Walaupun pada awalnya pengkaji menganggap bahawa *tagad* yang lebih dekat bermakna lebih banyak tanah (yang boleh dijadikan pertanian pindah) tetapi anggapan ini ternyata kurang tepat di Kg. P/R/B. Didapati walaupun kawasan di Kg . P/R/B lebih banyak (untuk dibuka) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9, tetapi peratusan *tagad* yang berada kurang 2 km ialah 44% (11) manakala lebih 2 km ialah 56% (14). Kadar ini hampir sama dengan peratusan di Kg. Tinangol. Lebih menarik, tidak seperti di Kg. Tinangol, jumlah *tagad* tidak banyak berubah mengikut setiap kategori jarak iaitu berjumlah 7 - 4 - 6 - 3 - 5 berbanding dengan perubahan jumlah di Kg. Tinangol iaitu 5 - 8 - 13 - 0 - 5. Keadaan ini menunjukkan petani-petani di Kg. P/R/B mempunyai pilihan tempat yang lebih banyak untuk membuka ladang. Pada mereka pemilihan ini kurang dipengaruhi oleh ‘land availability’ tetapi lebih dipengaruhi oleh faktor seperti umur petani, keinginan membuka hutan yang lebih matang (lebih 7 tahun) dan keinginan untuk meneroka kawasan baru yang belum dimiliki untuk terus dipohon sebagai tanah persendirian. Seperti yang disimpulkan dalam Jadual 4.9, kesimpulan yang dapat dibuat ialah petani di Kg. P/R/B mempunyai sumber tanah yang lebih banyak berbanding dengan penduduk di Kg. Tinangol. Jumlah penduduk yang kecil serta mempunyai kawasan simpanan yang lebih luas membolehkan mereka menjalankan kegiatan pertanian pindah pada tahap yang sepatutnya sekurang-kurangnya hingga setakat ini. Persoalan yang harus dijelaskan selanjutnya ialah setakat manakah kekurangan tanah berlaku di tempat kajian.

Graf 1
Masalah Kekurangan Tanah Berdasarkan Hubungan Di Antara Jarak Dan Usia Hutan



PETUNJUK:




- Kawasan ideal (dekat dan matang)
- Kawasan sederhana (jauh tetapi matang)
- Kawasan sukar (terlalu jauh walaupun matang)
- Kawasan semi ideal (dekat tapi tidak matang)
- Kawasan bawah sederhana (jauh dan tidak matang)
- Kawasan teruk (terlalu jauh dan tidak matang)

Tinjauan mengenai setakat mana kekurangan tanah berlaku di tempat kajian boleh dilakukan dengan menggunakan model analisis di atas. Graf 1 tersebut adalah berdasarkan dua angkubah iaitu jarak dan usia hutan. Sebagaimana penjelasan dalam Jadual 4.9 dan 4.10 faktor usia hutan dan jarak boleh digunakan untuk melihat kadar kekurangan tanah yang berlaku. Dengan menggunakan usia 7 tahun sebagai usia minimum hutan yang sesuai ditebang (matang dalam kes ini) maka akan kelihatan *tagad* di kedua-dua kawasan samada *tagad* tersebut dibuka di kawasan matang atau sebaliknya. Dua kilometer pertama diandaikan sebagai jarak yang ideal ke *tagad* berdasarkan intensiti penggunaan buruh di *tagad*. Perjalanan pada jarak ini hanya mengambil masa maksimum 25 minit. Ini bermakna petani tidak banyak menghabiskan masa berjalan kaki ke *tagad*. Dua kilometer yang kedua pula (2.01 - 4.00 km) diandaikan jarak perjalanan yang sederhana (26 ke 55 minit berjalan kaki) manakala 4.01 km dan seterusnya dianggap sebagai jarak dan perjalanan yang jauh (lebih 1 jam). Dengan meletakkan titik-titik jarak ini di sepanjang garisan usia 7 tahun maka terbentuklah kawasan-kawasan seperti yang ditunjukkan pada gambarajah Graf 2.

Graf 2 menunjukkan bilangan dan peratus dari jumlah keseluruhan *tagad* mengikut kedudukan dan jarak tapak *tagad* dari rumah responden. Jika dilihat dari peratus keseluruhan, hanya 61.3% (19) *tagad* di Kg. Tinangol berada di atas garis kematangan iaitu 7 tahun berbanding dengan 68% (17) di Kg. P/R/B. Pada 2 kilometer yang pertama hanya 19.4% *tagad* di Kg. Tinangol adalah kawasan matang berbanding 32% di Kg. P/R/B. Sebaliknya 22.6% *tagad* di Kg. Tinangol di kawasan tidak matang berbanding hanya 16% di Kg. P/R/B.

Graf 2
Kedudukan Tapak Pertanian Pindah Berdasarkan
Usia Dan Jarak Tagad Pada Musim Pengeluaran 1995/96.



Hanya pada 2 km kedua (2-4 km) barulah lebih banyak *tagad* di Kg. Tinangol berada di kawasan matang iaitu 29% (9) berbanding 24% (6) di Kg. P/R/B. Bagaimanapun *tagad* masih lebih banyak yang tidak matang pada jarak ini iaitu 12.9% (4) berbanding 8% (2) di Kg. P/R/B.

Pada jarak 4 km dan seterusnya, peratusan di kedua-dua kawasan kajian hampir sama iaitu *tagad* yang matang di Kg. Tinangol ialah 12.9% (4) dan tidak matang ialah 3.2% (1). Sementara di Kg. P/R/B *tagad* yang matang pada jarak ini ialah 12% (3) dan tidak matang 4% (1).

Kedudukan *tagad* mengikut jarak dan kematangan kayu ini menunjukkan dengan jelas bahawa kedua-dua kawasan sedang mengalami masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk dijadikan *tagad*. Walau bagaimanapun kekurangan tanah ini lebih dirasakan di Kg. Tinangol kerana pada musim 1995/96 sahaja 38.7% *tagad* dibuka di kawasan tidak matang dan peratusan ini sudah tentu akan bertambah setiap tahun.

Masalah kekurangan tanah yang sesuai ini menyebabkan petani terpaksa menghadkan keluasan *tagad* mereka. Ini kerana sekiranya mereka membuka *tagad* yang besar di satu kawasan yang kurang sesuai, besar kemungkinan mereka akan menggunakan banyak masa, tenaga dan belanja untuk menguruskan ladang tersebut. Kesukaran untuk merumput biasanya menjadi penghalang utama. Penggunaan racun rumpai mungkin menjadi jalan keluar tetapi harga racun yang mahal menyebabkan mereka lebih suka menghadkan saiz *tagad* mereka. Sebaliknya jika mereka tidak mempertimbangkan hal ini, kemungkinan besar mereka akan mengalami kerugian yang lebih teruk kerana menggunakan banyak masa, tenaga dan perbelanjaan sedangkan hasil padi (di tapak yang tidak sesuai) jauh lebih rendah dari kawasan yang sesuai. Pendeknya, petani berpeluang untuk membuka kawasan yang besar sekiranya pada hematnya kawasan tersebut akan memberikan pulangan yang setimpal dengan pelaburan tenaga, masa dan perbelanjaannya. Sebagai kesan jangka panjang pertimbangan ini ialah

pendapatan petani pada akhirnya akan semakin merosot kerana peluang untuk mereka mendapatkan tanah yang sesuai semakin berkurangan dari masa ke semasa. Seperti yang telah dijelaskan, perkara ini disebabkan oleh tekanan pertambahan penduduk yang mengakibatkan kawasan simpanan semakin sempit dan keujudan sistem pemilikan tanah individu.

Jadual 4.11

Pertambahan/Pengurangan Hasil Padi Di Antara Musim Pengeluaran 1995/96 Dan Pengeluaran Musim 1994/95

Kampung Hasil:	Kg. Tinangol Bil. Petani / %	Kg. P/R/B Bil. Petani / %	Jumlah Bil. Petani / %
Bertambah	11 (36.7)	12 (40)	23 (38.3)
Berkurang	12 (40)	9 (30)	21 (35)
Tidak Berubah	4 (13.3)	8 (26.7)	12 (20)
Tidak berkenaan	3 (10)	1 (3.3)	4 (6.7)
Jumlah	30 (100)	30 (100)	60 (100)

Kesan masalah yang dihadapi ini boleh dilihat dalam Jadual 4.11. Jadual 4.11 menunjukkan pertambahan atau pengurangan hasil pertanian pada 1995/96 berbanding dengan pengeluaran 1994/95. Berdasarkan jadual tersebut, hanya 11 petani (36.7%) di Kg. Tinangol dan 12 petani (40%) di Kg. P/R/B menyatakan hasil mereka bertambah. 12 petani (40%) di Kg. Tinangol dan 9 petani (30%) di Kg. P/R/B mengadu hasil mereka berkurangan. Manakala 4 (13.3%) di Kg. Tinangol dan 8 (26.7%) di Kg. P/R/B menyatakan hasil mereka sama. Manakala jumlah selebihnya iaitu masing-masing 3 (10%) dan 1 (3.3%) iaitu petani yang tidak membuka ladang pada kedua-dua musim atau salah satu musim tersebut. Jika dilihat daripada jumlah keseluruhan jumlah dan peratus

bertambah dan berkurang ialah hampir sama iaitu 23 (38.3%) bertambah dan 21 (35%) berkurang. Adalah menarik untuk melihat apakah sebab yang diberikan oleh petani ke atas pertambahan dan pengurangan ini.

Jadual 4.12 menunjukkan peratus kepentingan sesuatu masalah yang menyebabkan hasil padi berkurangan. Sebab terpenting di Kg. Tinangol ialah keluasan *tagad* yang berkurang (38.9%) diikuti oleh cuaca yang buruk (29.6%) kemudian tanah tidak subur/hutan tidak matang (20.3%). Manakala di Kg. P/R/B sebab terpenting ialah ancaman perosak (26%) diikuti keluasan berkurang (19%) kemudian tanah tidak subur/hutan tidak matang (16.6%).

Jadual 4.12
Sebab Hasil Padi Berkurangan Pada Musim 1995/96 Berbanding Dengan Musim 1994/95 Mengikut Keutamaan.

Sebab/Masalah	Kg.Tinangol (%)	Kg. P/R/B (%)	Keseluruhan (%)
Keluasan Berkurang	38.9	19	30.2
Cuaca Buruk	29.6	9.5	20.1
Ancaman Perosak	7.4	26	15.6
Tanah Tidak Subur	20.3	16.6	18.6
Tidak/Kurang Terjaga	-	14	6.3
Sebab-sebab lain	3.7	14	8.3
Jumlah	100	100	100

Jumlah petani terlibat ialah 21 iaitu 12 di Kg. Tinangol dan 9 di Kg. P/R/B.

Faktor pengurangan kluasan yang dibuka menjadi salah satu faktor terpenting di kedua-dua kawasan. Walaupun kluasan kawasan yang mahu dibuka adalah atas pertimbangan peribadi harus diterima tetapi dalam masa yang sama kluasan tanah yang dibuka ini akan turut dipengaruhi oleh masalah kekurangan tanah yang semakin berleluasa khususnya di Kg. Tinangol. Pada pengeluaran 1995/96 purata kawasan *tagad* dibuka di Kg. P/R/B ialah 4.06 ekar (1.64 hektar) berbanding hanya 2.83 ekar (1.14 hektar) di Kg. Tinangol.

Masalah kesuburan tanah juga berkait rapat dengan masalah kekurangan tanah. Kesuburan tanah dalam hal ini adalah berdasarkan kepada kematangan sesuatu kawasan hutan yang ditebang. Seperti yang dijelaskan lebih awal masalah kesuburan tanah/kematangan hutan lebih dirasakan di Kg. Tinangol berbanding di Kg. P/R/B.

Dalam pada itu, terdapat juga sebab-sebab semulajadi yang merupakan di luar pertimbangan individu seperti ancaman perosak dan bencana alam. Di Kg. P/R/B misalnya, meletakkan ancaman perosak seperti ulat, burung, dan binatang liar sebagai masalah utama manakala di Kg. Tinangol cuaca yang buruk merupakan masalah yang kedua terpenting selepas kluasan yang berkurang. Misalnya pada musim 1995/96, 4 orang petani di Kg. Tinangol menyatakan masalah banjir sebagai faktor utama yang menyebabkan hasil mereka berkurangan.

Dari segi penjagaan, kenyataan bahawa masalah kekurangan penjagaan tidak berkenaan di Kg. Tinangol menunjukkan penurunan hasil bukanlah disebabkan oleh kelalaian pemilik. Sebaliknya walaupun masalah kurang penjagaan di Kg. P/R/B berlaku

(14%) namun ini tidak bermakna mereka lalai. Kawasan simpanan Kg. P/B/R yang lebih luas dan berdekatan dengan hutan tebal menyebabkan ancaman binatang liar seperti babi hutan dan monyet tidak dapat dielakkan.

Pada keseluruhannya, masalah terpenting yang dihadapi di kedua-dua kawasan ini yang menyebabkan hasil berkurangan ialah masalah berkurangnya keluasan yang diusahakan (30.2%) diikuti cuaca yang buruk (20.1%) kemudian tanah yang tidak subur (18.8%) dan seterusnya ancaman perosak (15.6%).

Kesimpulan akhir daripada penurunan hasil padi ini ialah kegiatan ekonomi pertanian pindah amat terdedah kepada risiko-risiko alam sekitar yang mungkin disebabkan oleh faktor-faktor semulajadi ataupun disebabkan oleh tindakan manusia sendiri.

Sebaliknya, masalah yang dihadapi oleh petani juga dapat dikupas dengan melihat sebab-sebab pertambahan hasil padi yang diambil daripada perbandingan di antara dua musim pengeluaran.

Jadual 4.13 menunjukkan kepentingan sesuatu sebab ke atas pertambahan hasil padi pada musim 1995/96 berbanding dengan musim 1994/95. Di Kg. Tinangol, sebab yang terpenting ialah tanah yang subur/hutan yang matang (32.3%) diikuti keluasan bertambah, kemudian penjagaan yang baik (25.8%). Manakala ada dua sebab terpenting di Kg. P/R/B iaitu pertambahan keluasan tanah (41.9%) dan hutan yang matang/tanah yang subur (22.5%). Dapat dibuat kesimpulan bahawa faktor keluasan dan kesuburan

tanah merupakan faktor yang paling penting untuk menentukan jumlah hasil sesebuah ladang.

Jadual 4.13
Sebab Hasil Padi Bertambah Pada Musim 1995/96
Berbanding Dengan 1994/95 Mengikut Keutamaan

Sebab	Kg. Tinangol (%)	Kg. P/R/B (%)	Keseluruhan (%)
Keluasan bertambah	27.4	41.9	34.7
Cuaca yang baik	11.2	16.1	13.7
Kurang ancaman perosak	3.2	4.8	4
Hutan matang/tanah subur	32.2	22.5	27.4
Penjagaan yang baik	25.8	14.5	20.2
Sebab lain	-	-	-
Jumlah	100	100	100

Jumlah petani ialah 23 orang iaitu 11 di Kg. Tinangol dan 12 lagi di Kg. Penudahan, Rita dan Buranak

Faktor keluasan dan kesuburan tanah merupakan masalah utama yang dihadapi oleh kedua-dua kawasan khususnya di Kg. Tinangol. Jika ‘trend’ pembukaan *tagad* pada masa sekarang ini berterusan maka dalam tempoh 10 tahun penduduk di kedua-dua kawasan akan menghadapi keadaan yang lebih sukar (kronik).

Jadual 4.14 menunjukkan jumlah keseluruhan keluasan tanah serta keluasan tanah yang dibuka untuk tujuan pertanian pindah. Jadual ini mengandaikan bahawa semua responden telah membuka *tagad* di tanahnya sendiri yang berada di dalam kawasan kampung berkenaan. Didapati pada musim pengeluaran 1995/96, 186.5 ekar telah dibuka di kedua-dua kawasan iaitu 85 ekar (16.3% daripada luas keseluruhan) di Kg. Tinangol

dan 101.5 ekar (12.7% daripada luas keseluruhan) di Kg. P/R/B. Dengan mengandaikan kadar ini kekal setiap tahun (malah mungkin bertambah...), akan didapati petani di Kg. Tinangol akan menggunakan keseluruhan kawasan ‘fallow’ mereka dalam masa 6 tahun ($85 \text{ ekar} \times 6 \text{ tahun} = 510 \text{ ekar}$). Usia hutan pada 6 tahun belum matang untuk tujuan pertanian pindah dan penebangan hutan pada usia ini akan melambatkan lagi proses penghutanan semula. Manakala di Kg. P/R/B, mereka akan melengkapkan pusingan tanah ‘fallow’ mereka setiap 8 tahun ($101.5 \text{ ekar} \times 8 \text{ tahun} = 812 \text{ ekar}$). Walaupun kadar ini pada prinsipnya dapat memberikan peluang kepada proses penghutanan semula (untuk tujuan pertanian pindah) namun jika diambilkira pertambahan penduduk, kadar ini juga tidak akan bertahan lama.

Jadual 4.14
Keluasan Tanah Yang Dijadikan Tagad Oleh Responden Pada
Musim 1995/96 Dan Luas Keseluruhan Tanah Yang Mereka Miliki

Luas Tanah (ekar)	Kg. Tinangol	Kg. P/R/B	Jumlah
Luas tanah yang dimiliki*	520 ekar	797.5 ekar	1317.5 ekar
Luas tanah dibuka pada 1995/96	85 (16.3%)	101.7 (12.7%)	186.5 (14.2%)
Luas tanah ‘fallow’ pada 1995/96	435 (83.7%)	696 (87.3%)	1131 (85.8%)
Jumlah besar	520 (100%)	797.5 (100%)	1317.5 (100%)

*Tidak termasuk tanah sawah

Ancaman Kayu *Acacia Mangium*

Satu lagi masalah yang semakin mendapat perhatian di kalangan para petani pindah ialah kebimbangan terhadap kehadiran kayu SAFODA (Sabah Forestry Development Authority) atau *Acacia Mangium*

Kayu ini mula ditanam secara besar-besaran di Sabah pada tahun 1978 iaitu selepas Enakmen Perhutanan Sabah 1976 diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sabah. SAFODA dipertanggungjawabkan untuk membantu kerajaan negeri melaksanakan polisi perhutanan dari segi pengurusan dan konservasi hasil hutan selaras dengan Dasar Hutan Kebangsaan. (SAFODA, 1985: 4). Ada empat objektif utama penubuhan SAFODA iaitu:

1. Membangunkan tanah terbiar dan kawasan pertanian marginal kepada perladangan hutan yang produktif.
2. Membekalkan bahan mentah kepada industri perkayuan melalui perladangan hutan.
3. Memberi peluang kepada masyarakat terlibat aktif dalam proses pemuliharaan hutan dengan menyediakan peluang pekerjaan.
4. Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar melalui penyediaan skim penempatan dan peluang projek perhutanan. (SAFODA, 1985: 5)

Sehingga 31 Disember 1985 sebanyak 21,028.3 hektar diusahakan oleh SAFODA dengan projek penanaman kayu *acacia mangium*, *pinus* dan rotan. Daripada jumlah ini 1,533.6 hektar kayu *acacia mangium* ditanam di daerah Kudat.

Keunikan kayu *acacia* menyebabkan kayu ini mudah ditanam di kawasan-kawasan yang tidak sesuai untuk pertanian misalnya di kawasan tanah yang berpasir. Akar tunjangnya yang panjang membolehkan kayu ini mendapatkan bekalan air yang

membolehkannya hidup di kawasan yang berpasir. Selain itu, satu lagi keunikan benih *acacia* ialah benihnya hanya akan tumbuh apabila terdedah kepada api.

Apabila penanaman *acacia* mula-mula diperkenalkan, orang ramai (termasuk orang kampung) berlumba-lumba untuk memohon supaya SAFODA mendaftarkan tanah mereka untuk ditanam dengan *acacia*. Malah ada yang berusaha mencari benih dan menanamnya sendiri dengan harapan SAFODA akan membeli kayu itu nanti dengan harga yang lumayan. Pada pertengahan 1980an orang ramai mula sedar bahawa mereka tidak perlu mananam *acacia* kerana kayu ini tumbuh sendiri di *tagad* yang mereka sudah tinggalkan. Apa yang perlu mereka lakukan untuk ‘menuai’ hasil kayu ini ialah menjarakkan supaya sesuai dengan ukuran jarak penanaman yang sebenar dan mendaftarkan kawasan berkenaan kepada pihak SAFODA supaya boleh dijual (kepada SAFODA) pada masa depan. Rupa-rupanya benih yang dibawa oleh burung (melalui najis) dari kawasan ladang yang lebih awal telah berada di kawasan simpanan kampung dan terbakar semasa proses pembakaran ladang. Oleh itu sebaik sahaja ladang ditinggalkan, kayu utama yang tumbuh ialah *acacia*. Kesuburan dan kecekapan menyerap air dan nutrien tanah menyebabkan kayu ini gagal disaingi oleh kayu-kayu ‘tradisional’ yang lain. (lihat plat 26 dan 27)

Keunikan *acacia* bagaimanapun mula menimbulkan keimbangan pada lewat 1980an. Pertamanya, pihak SAFODA semakin selektif ke atas kayu yang mahu dibeli. Keutamaan hanya diberikan kepada ladang yang ditanam secara sistematik (bukan tumbuh sendiri) dan mesti berhampiran dengan jalan raya untuk memudahkan kerja pengangkutan. Syarat ini menyebabkan banyak ladang ‘semulajadi’ (tumbuh sendiri)

terbiar dan mula merebak ke kawasan-kawasan *tagad* yang telah ditinggalkan. Pada peringkat ini, petani-petani yang memang sensitif dengan kualiti tanah mula menyuarakan kebimbangan terhadap kesan *acacia* ke atas kesuburan tanah dan gangguan kawasan tadahan.

Kebimbangan ini mula menjadi kenyataan apabila ada yang mencuba untuk menebang kayu ini untuk tujuan pertanian pindah. Didapati padi tidak begitu menjadi. Dalam pada itu, Jabatan Perikanan mula menasihatkan penternak-penternak ikan air tawar supaya mengelakkan sama sekali menanam kayu *acacia* sekurang-jurangnya 30 meter dari kawasan kolam mereka kerana menurut Pegawai Perikanan Kudat, akar dan daun kayu *acacia* mempunyai bahan yang boleh membunuh organisma air di samping boleh mengeringkan kolam. Di Kg. Panudahan misalnya, pengkaji diberitahu mengenai mata air yang sentiasa berair di tepi jalan raya. Air yang sentiasa mengalir (dari mata air tersebut) menyebabkan jalan raya dua musim berhampiran menjadi becak walaupun pada musim kemarau. Apabila pemilik tanah berkenaan menanam kawasan tersebut dengan kayu *acacia* lebih kurang 8 tahun yang lalu (1988), mata air tersebut mula kering dan pada hari ini mata air tersebut telah kering sama sekali.

Jadual 4.15 menunjukkan pendapat responden apabila diajukan pertanyaan mudah iaitu “Apa pendapat tentang pokok SAFODA?” Dapat dilihat bahawa perbezaan pendapat agak ketara di kedua-dua kawasan terutama pendapat yang merasa bimbang dengan kehadiran kayu *acacia* iaitu 50.7% di Kg. Tinangol manakala hanya 21% di Kg. P/R/B. Sebaliknya lebih ramai responden yang memberikan pandangan ‘positif’ tentang kayu *acacia* di Kg. P/R/B iaitu 60.9% berbanding dengan 48.5% di Kg. Tinangol.

Jadual 4.15
Pendapat Responden Tentang Kayu SAFODA
(*Acacia Mangium*) Mengikut Keutamaan

Pendapat	Kg. Tinangol (%)	Kg. P/R/B (%)	Keseluruhan (%)
Baik untuk bahan binaan	48.5	57.1	52.3
Baik untuk dibuat <i>tagad</i>	-	3.8	1.7
BAIK	48.5	60.9	54
Menjejas bekalan air	24.5	4.8	15.9
Menjejas kesuburan tanah	26.1	16.2	21.8
TIDAK BAIK	50.6	21	37.7
Pendapat lain	0.9	12.4	5.9
Tidak tahu	-	5.7	2.4
Jumlah	100 %	100%	100%

Perbezaan pendapat ini adalah disebabkan oleh perbezaan peringkat pengalaman.

Di Kg. Tinangol *acacia* mula ditanam pada awal 80an manakala di Kg. P/R/B pada lewat 80an. Terdapat juga ladang SAFODA yang baru ditanam seluas lebih kurang 1000 ekar di Kg. Novusung iaitu kira-kira 2 km. dari Kg. Rita yang ditanam pada awal 1995. Oleh kerana Kg. Tinangol lebih dahulu menerima ‘kehadiran’ *acacia* iaitu samada ditanam atau tumbuh sendiri (dari benih yang dibawa oleh burung dari ladang SAFODA di Kg. Hobut (2 km dari Kg. Tinangol), maka kawasan yang diliputi kayu ini lebih luas di sini berbanding dengan kawasan Kg. P/R/B (tidak termasuk ladang di Kg. Novusung).

Tekanan pertambahan penduduk dan kawasan simpanan kampung yang lebih kecil menyebabkan penduduk di Kg. Tinangol lebih kritis terhadap kesan *acacia* kepada

alam sekitar. Segelintir daripada mereka mungkin telah mengalami sendiri kesan *acacia* ke atas kesuburan tanah untuk tujuan pertanian pindah. Anehnya walaupun pengkaji diberitahu oleh salah seorang responden mengenai kekeringan mata air di Kg. Panudahan (akibat *acacia*) hanya 4.8% berpendapat *acacia* menjelaskan bekalan air di Kg. P/R/B berbanding dengan 24.6% di Kg. Tinangol. Keadaan ini sebenarnya kerana Kg. Panudahan (P) dan Kg. Buranak (B) mempunyai sumber air dari Sungai Panudahan yang mengalir berhampiran dan Kg. Rita pula disaliri oleh Sungai Rita yang mengalir di tengah-tengah perkampungan. Penduduk di Kg. Panudahan dan Kg. Buranak juga menikmati kemudahan air graviti dari sumber yang berbeza. Ringkasnya, Kg. P/R/B tidak menghadapi masalah bekalan air walaupun pada musim kemarau. Sebaliknya, bekalan air di Kg. Tinangol lebih kritikal. Walaupun kampung ini mempunyai sungai (Sungai Tinangol), tetapi sungai ini akan kering dan terputus-putus dalam musim kemarau malah ada ketikanya sungai ini kering langsung. Air hanya mengalir lancar pada musim hujan. Ini berlaku kerana kawasan tадahan hutan Gunung Gumantung semakin kecil akibat kegiatan pertanian pindah, penanaman getah dan *acacia* di kaki dan lereng gunung tersebut. Bekalan air graviti Kg. Tinangol yang berpunca dari Gunung Gumantung walaupun sentiasa ada tetapi sudah tidak mampu menampung keperluan penduduk Kg. Tinangol yang ramai. Selain daripada itu pengalaman beberapa orang penduduk kampung tentang kesan buruk *acacia* terhadap kolam ikan juga menyebabkan mereka semakin kritis terhadap kayu *acacia*. Walau bagaimanapun, pada masa ini mereka masih bersikap berbelah bagi terhadap *acacia*. Biasanya walaupun mereka berasa bimbang dengan kesan *acacia* tetapi dalam masa yang sama mereka juga mengakui bahawa kayu ini mempunyai kegunaan khususnya untuk bahan binaan. Hanya

apabila diminta membuat pilihan pertama (samada baik atau tidak baik) barulah mereka menyatakan di mana mereka berpihak.

Apabila pengkaji ajukan masalah ini kepada salah seorang pegawai kanan SAFODA di Kota Kinabalu³, beliau mengakui terdapatnya rungutan ini tetapi menegaskan bahwa belum terdapat kajian terperinci dilakukan untuk menyelidiki perkara ini. Menurut beliau lagi; secara ekologi, penanaman pokok secara meluas boleh memperbaiki jumlah hujan di sesuatu kawasan, oleh itu masalah pokok boleh mengurangkan air tidak timbul.

Jika benar aduan bahawa *acacia* menjadikan kesuburan tanah, maka ini adalah berita buruk bagi petani. Memandangkan *acacia* akan mendominasi tumbuhan di kawasan bekas *tagad*, ini bermakna kawasan ini tidak boleh lagi dianggap tanah ‘fallow’ atau kawasan simpanan walaupun pada prinsipnya kawasan itu masih termasuk dalam kawasan simpanan. Kawasan ini tidak sesuai kerana kesuburannya telah terjejas. Petani terpaksa membuka di kawasan lain (yang tiada *acacia*). Apabila kawasan ini ditinggalkan *acacia* akan mengambil alih kawasan tersebut dan keadaan ini berlaku terus-menerus sehingga petani tiada pilihan lain kecuali menebang hutan *acacia* untuk pertanian pindah.

Jika andaian bahawa kawasan simpanan di Kg. Tinangol dan Kg. P/R/B akan habis digunakan selepas tempoh di antara 6 hingga 8 tahun (sebelum kawasan yang mula-mula dibuka semula) maka dalam keadaan sekarang kawasan simpanan di kedua-dua kawasan akan habis digunakan dalam masa 6 dan 8 tahun dari sekarang. Selepas itu,

kawasan yang mereka gunakan dalam tempoh itu tidak dapat digunakan lagi kerana sudah ditumbuhki *acacia*.

Dari sudut jangka panjang, masalah-masalah yang dihadapi oleh petani ini akan terus berlaku dan pada satu peringkat, masalah ini akan memaksa mereka mencari alternatif ekonomi yang lain. Adalah diharapkan generasi akan datang akan berpeluang untuk mengelakkan diri daripada meneruskan kegiatan ekonomi tradisional ini kerana pada masa depan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani sekarang sudah terlalu serius dan sudah sampai ke tahap kronik (rujuk Graf 4.2)

4.6 Kegiatan dan Hasil Ekonomi Bukan Pertanian Pindah

Walaupun sebahagian besar masa kerja petani pindah dihabiskan di *tagad* masing-masing, mereka juga menjalankan kegiatan ekonomi bukan pertanian pindah. Ada dua tujuan utama pekerjaan sampingan ini perlu dilakukan iaitu untuk menampung keperluan beras setahun yang sering tidak mencukupi dan kedua, sebagai satu cara mendapatkan wang tunai untuk memenuhi keperluan-keperluan yang perlu dibeli atau tidak dapat dikeluarkan sendiri.

Jadual 4.16 menunjukkan kecukupan simpanan padi sepanjang musim 1994/95 di Kg. Tinangol dan Kg. P/R/B. Pada keseluruhannya, hampir separuh petani iaitu 48.3% menyatakan simpanan mereka tidak mencukupi sepanjang masa tersebut. Kekurangan ini lebih serius di Kg. P/R/B kerana jika diambilkira daripada petani yang membuka ladang pada masa tersebut (iaitu 22 orang), 72.7% mengalami kekurangan simpanan dan hanya

27.3% yang simpanan mereka mencukupi. Sementara di Kg. Tinangol, jika mengambilkira petani yang terlibat sahaja (iaitu 27 orang) peratus yang cukup ialah 14 (51.9%) berbanding dengan 13 (48.1%) yang tidak cukup.

Jadual 4.16
Kecukupan Simpanan Padi Sepanjang Tahun Pengeluaran 1994/95
(sebelum hasil pengeluaran 1995/96 dituai)

Simpanan	Kg.Tinangol (%)	Kg. P/R/B (%)	Keseluruhan (%)
Cukup	14 (46.7)	6 (20)	20 (33.3)
Tidak cukup	13 (43.3)	16 (53.3)	29 (48.3)
Tidak berkenaan	3 (10)	8 (26.7)	11 (18.3)
Jumlah	30 (100)	30 (100)	60 (100)

Keadaan seperti ini memaksa mereka menjalankan kegiatan ekonomi yang lain lebih-lebih lagi keadaan ‘tidak cukup’ ini berlaku di antara 1 hingga 10 bulan.

Jadual 4.17 menunjukkan tempoh ‘kehabisan beras’ sebelum hasil 1995/96 dituai. Walaupun satu pertiga atau 36.7% mengalami kekurangan hanya pada saat-saat akhir musim berakhir tetapi mereka tiada pilihan lain selain daripada mencari alternatif ekonomi yang lain sementara menunggu padi 1995/96 mula dituai. Kehabisan beras ini kebanyakannya berlaku pada enam bulan terakhir sesuatu musim pengeluaran iaitu 85.7% di Kg. Tinangol dan 75% di Kg. P/R/B.

Jadual 4.17
Tempoh Simpanan Padi Tidak Mencukupi Sepanjang Musim
1994/95 (sebelum padi 1995/96 dituai).

Tempoh (bulan)	Kg. Tinangol (%)	Kg. P/R/B (%)	Keseluruhan (%)
1 ke 2	6 (42.9)	5 (31.2)	11 (36.7)
3 ke 4	2 (14.3)	3 (18.7)	5 (16.7)
5 ke 6	4 (28.6)	4 (25)	8 (26.7)
7 ke 8	1 (7.1)	2 (12.5)	3 (10)
9 ke 10	1 (7.1)	2 (12.5)	3 (10)
Jumlah	14 (100)	16 (100)	30 (100)

Kekurangan yang melebihi tempoh 4 bulan biasanya disebabkan oleh faktor-faktor semulajadi di luar jangkaan mereka seperti hasil tidak menjadi akibat kemarau, banjir, serangan perosak, kecurian, pondok simpanan padi terbakar dan sebagainya.

Jadual 4.18 menunjukkan kepentingan sesuatu pekerjaan petani di Kg. Tinangol dan Kg. P/R/B pada 1996.

Kraftangan

Kemajuan industri pelancongan di Malaysia khususnya di Sabah pada awal 1980an hingga sekarang telah memberikan kesan secara langsung ke atas ekonomi penduduk luar bandar. Penduduk di kawasan kajian mendapat manfaat melalui perkembangan industri kraftangan yang berhubung rapat dengan sektor pelancongan. Industri pelancongan pada umumnya telah menyediakan pasaran kepada hasil-hasil kraftangan tradisional seperti kain tenunan, manik, *rinago*, alat muzik dan sebagainya.

(lihat plat 11,12,13,14) Sebelum ini, kaum Rungus khususnya berkraftangan semata-mata untuk kepuasan estetika atau memenuhi tuntutan kebudayaan tetapi pada hari ini, kraftangan telah menjadi satu sumber tunai yang paling penting di kawasan kajian. Pada keseluruhannya, 45.9% meletakkan kraftangan sebagai punca utama kewangan mereka. Kepentingan kraftangan sebagai sumber ekonomi sangat menonjol dewasa ini hingga ada sesetengah pasangan suami isteri yang meminimumkan penglibatan isteri di *tagad* supaya dapat menumpukan perhatian kepada perusahaan kraftangan. Pendapatan daripada hasil kraftangan adalah tidak tetap tetapi pengkaji menganggarkan pendapatan mereka adalah di antara RM50.00 ke RM200.00 sebulan.

Jadual 4.18
Pekerjaan Sambilan Yang Sering Dilakukan
Untuk Mendapatkan Tunai Mengikut Keutamaan Pada 1996

Pekerjaan Sambilan (a)	Kg.Tinangol (%)	Kg. P/R/B (%)	Keseluruhan (%)
Kebun Kelapa	18.4	22.7	20.4
Kerja hari	21.1	10.6	16.1
Kraftangan	47	44.6	45.9
Sayur/ternakan	5.4	10.6	7.9
Perniagaan runcit	1.4	-	0.7
Pelancongan	2.7	-	1.4
Lain-lain	4.1	11.4	7.5
Jumlah	100	100	100

(a) Pekerjaan sambilan yang dilakukan oleh suami isteri

Perkembangan industri pelancongan bukan sahaja menyediakan pasaran untuk kraftangan tetapi juga memberikan peluang-peluang ekonomi yang lain kepada masyarakat luar bandar. Di Kg. Tinangol misalnya, lebih kurang 30 ketua keluarga (suami) telah bekerjasama mendirikan tiga unit rumah panjang tradisional dengan bantuan kewangan Sabah Tourist Promotion Corporation (STPC). Rumah-rumah panjang ini didirikan untuk disewakan kepada pelancong-pelancong yang ingin menikmati kehidupan di rumah panjang kaum Rungus. Hasil sewa diberikan kepada pemilik sesebuah unit/bilik yang bertanggungjawab memelihara kebersihan dan membaiki kerosakan unit berkenaan. Walaupun penglibatan penduduk kampung agak terhad, peluang seperti ini sekurang-kurangnya memberikan satu lagi alternatif ekonomi yang mungkin boleh mereka (penduduk kampung) majukan pada masa hadapan. Pada masa kajian dibuat hanya 41% responden di Kg. Tinangol meletakkan penglibatan secara langsung dalam industri ini sebagai satu sumber kewangan penting. Sewa satu unit bilik lebih kurang RM20.00 (termasuk makanan dan keraian) dan pendapatan bulanan penduduk yang terlibat dianggarkan di antara RM80.00 hingga RM120.00 bergantung kepada jumlah kunjungan pelancong.

Mengerjakan Kebun Kelapa

Kebun kelapa telah lama berperanan sebagai pekerjaan kedua selepas pertanian pindah. Peranan ini bermula apabila mubaligh Kristian dari Basel Mission telah menggalakkan kaum Rungus menanam kelapa pada penghujung 1950an dan awal 1960an. Apabila kelapa ini mengeluarkan hasil (kira-kira 8 tahun selepas ditanam) bermulalah peranan kelapa sebagai punca tunai yang terpenting. Peranan kelapa pada hari ini sebagai sumber tunai masih penting. Di Kg. Tinangol, misalnya, 18.4% daripada

penduduk dan di Kg. P/R/B, 22.7% meletakkan kebun kelapa sebagai antara tiga punca tunai yang terpenting. Keseluruhannya, 20.4% meletakkan kelapa sebagai punca pendapatan yang penting.

Walau bagaimanapun harga kelapa kering (kopra) yang tidak stabil di pasaran menyebabkan peranan kelapa sebagai sumber tunai tidak terjamin. Ramai juga pekebun pada masa ini yang menjual kelapa mereka secara biji (samada dikupas atau tanpa dikupas). Harga sebiji kelapa ialah 10 sen (tidak dikupas) dan antara 15 ke 20 sen (dikupas). Harga kelapa biji juga sering berubah. Masalah yang sering dihadapi oleh petani yang terlibat dengan penjualan kelapa ialah mereka sering tidak mengetahui harga pasaran yang sebenar menyebabkan pemborong mengambil kesempatan. Anggaran pendapatan bulanan bagi pekebun kecil kelapa adalah tidak tetap iaitu RM120.00 ke RM484.00 sebulan (Leur, 1987: 102), bergantung kepada keluasan ladang, cara mengerjakan, cara menjual dan harga semasa.

Bagi mereka yang tidak mempunyai kebun kelapa, mereka boleh mengusahakan kebun kelapa orang lain dengan perjanjian pembahagian hasil. Biasanya hasil jualan akan dibahagi 50-50. Walaupun harga kelapa sering berubah tetapi kelapa masih lagi penting sebagai salah satu sumber tunai. Pengutipan hasilnya yang lebih bersifat bulanan iaitu sekali atau dua kali sebulan, (bukan harian seperti getah, kelapa sawit dan koko) menyebabkan ia amat sesuai untuk petani pindah yang menggunakan kebanyakan masa kerjanya di *tagad*. Kerja-kerja di ladang kelapa biasanya dilakukan oleh suami dengan sedikit bantuan isteri. Selain itu, jika usia hutan di kebun kelapa sesuai untuk ditebang untuk tujuan pertanian pindah, pokok kelapa juga tahan untuk menghadapi peringkat

pembakaran. Dengan kata lain, kawasan kebun kelapa masih boleh dijadikan *tagad*. Walau bagaimanapun sedikit kerosakan pada pohon kelapa tidak akan dapat dielakkan dan mungkin ‘mogok’ berbuah selama lebih kurang setahun selepas terkena bahang panas akibat pembakaran ladang. Petani biasanya kurang menghiraukan perkara ini.

Bekerja Harian

Punca pendapatan ketiga terpenting secara keseluruhan ialah kerja secara harian. Kerja ini melibatkan kerja seperti membina rumah, menebas kebun, kerja kontrak atau mengerjakan *tagad* orang lain (biasanya menebang, merumput dan menuai). Upah sehari biasanya di antara RM10.00 ke RM12.00 untuk dewasa dan RM5.00 ke RM8.00 bagi kanak-kanak. Pendapatan bulanan juga tidak tetap dan amat bergantung kepada individu dan kelapangannya. Pekerjaan ini dianggarkan memberikan pendapatan tunai di antara RM50.00 ke RM100.00 sebulan.

Di Kg. Tinangol, pendapatan kerja harian merupakan pendapatan kedua terpenting iaitu 21.2% daripada jumlah penduduk berbanding dengan 10.6% (ketiga) di Kg. P/R/B/. Kehadiran 30% penduduk Tinangol yang mempunyai pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta, menyebabkan ramai yang memerlukan tenaga petani tetap untuk mengerjakan kebun atau *tagad* orang-orang yang bekerja ini. Penglibatan suami isteri dalam bidang ini agak seimbang.

Pekerjaan-pekerjaan Sambilan Lain

Selain daripada tiga pekerjaan utama di atas, terdapat juga pekerjaan sambilan lain sebagai punca tunai. 7.9% penduduk pada keseluruhannya menyatakan tanaman

sayur dan ternakan menjadi punca tunai mereka. Manakala 1.4% menjalankan perniagaan runcit di Kg. Tinangol untuk tujuan yang sama. Di Kg. P/R/B pekerjaan seperti membuat tuak nira kelapa (6%), menjual pisang (3%) dan membuat papan berutи dengan menggunakan 'chain saw' (2.25%) adalah di antara beberapa lagi pekerjaan yang dilakukan untuk mendapatkan tunai.

Seseorang petani biasanya melakukan salah satu pekerjaan sambilan ini atau melakukan beberapa daripadanya sekaligus. Kebimbangan mereka sejak akhir-akhir ini ialah keperluan tunai semakin meningkat khususnya yang berkaitan dengan perbelanjaan persekolahan anak-anak dan keperluan dapur.

Keperluan tunai yang semakin bertambah menyebabkan tumpuan masa terpaksa dibahagikan di antara pengurusan *tagad* dan pencarian tunai. Dalam hal ini mereka yang mempunyai pendapatan lain seperti bantuan anak-anak, elaun ketua kampung, elaun penggerusi JKKK, bantuan kewangan untuk orang tua, sewa dan saham; mempunyai kelebihan daripada mereka yang tidak mempunyai pendapatan-pendapatan ini.

Jadual 4.19 menunjukkan sumber pendapatan petani selain daripada kraftangan, kebun kelapa dan kerja hari. Pemberian anak-anak merupakan sumber pendapatan yang terpenting. Walaupun demikian hanya 15 atau 50% di Kg. Tinangol dan 4 atau 13.3% di Kg. P/R/B yang menerima pemberian anak-anak dengan purata yang diterima iaitu masing-masing RM64.00 (Kg. Tinangol) dan RM105.00 (Kg. P/R/B) sebulan. Satu lagi sumber yang agak penting ialah gaji atau elaun yang diterima dengan menjadi ketua

kampung, pengerusi JKKK ataupun mempunyai pekerjaan sambilan dengan SAFODA.

Keseluruhannya, 23 orang (76.7%) di Kg. Tinangol dan 12 (40%) di Kg. P/R/B menerima daripada sumber-sumber ini dengan purata RM75.00 di Kg. Tinangol dan RM32.00 di Kg. P/R/B.

Jadual 4.19
**Jumlah Pendapatan Dalam Bentuk Elaun Tetap, Bantuan,
 Sewa,Saham dan Pemberian Anak-anak Pada 1996**

Sumber	Kg. Tinangol			Kg. P/R/B			Jumlah	
	Jum. (RM)	(%)^a	P/P^b	Jum. (RM)	(%)^a	P/P^b	Jum. (RM)	(%)
Anak-anak	960	55.2	15:64	420	27	1:105	1380	41.9
Bantuan Kerajaan	240	13.8	3:80	120	7.7	2:60	360	10.9
Gaji/Elaun	310	17.8	2:155	1000	64.3	5:200	1310	39.7
Sewa	100	5.7	2:50	-	-	-	100	3
Saham	80	5.6	5:16	16	1	1:16	96	2.9
Lain-lain	50	2.9	1:50	-	-	-	50	1.5
Jumlah	1750	100	23:75	1556	100	12:32	3296	100

a Peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan kampung.

b Nisbah di antara jumlah individu atau keluarga penerima dan purata yang diterima oleh individu atau keluarga terlibat.

4.7 Kesimpulan

Sebelum matawang digunakan dengan meluas di kalangan kaum Rungus, mereka dapat menyediakan hampir segala keperluan dengan mengeluarkannya sendiri khususnya keperluan makanan. Pertanian pindah menjadi titik-tolak kedudukan ekonomi seseorang.

Mereka sentiasa berusaha untuk mendapatkan hasil padi sebanyak mungkin bukan sahaja untuk tujuan makanan tetapi juga sebagai satu aset pelaburan iaitu dengan menjual lebihan padi untuk mendapatkan peralatan tradisional seperti gong, tempayan dan perhiasan wanita. Sebaliknya jika penghasilan padi pada satu-satu musim tidak menjadi, barang-barang tradisional ini boleh digunakan sebagai barang pertukaran untuk mendapatkan padi. Individu yang sering mempunyai lebihan padi akan menggunakan lebihan ini untuk mengumpul kekayaan seterusnya membentuk prestijnya yang tersendiri.

Bagaimanapun perubahan masa menyebabkan peranan pertanian pindah juga berubah. Hari ini pertanian pindah juga membawa ‘maksud’; petani harus juga mengerjakan aktiviti-aktiviti lain untuk mendapatkan sumber tunai. Ini untuk mendapatkan atau untuk menikmati barang atau perkhidmatan yang mereka perlukan.

Kedudukan Kg. Tinangol yang lebih dekat dan lebih terdedah kepada pengaruh pembandaran (termasuk penggunaan ekonomi matawang) menyebabkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh petani di sini lebih dirasakan berbanding dengan Kg. P/R/B. Masalah ekonomi yang mereka hadapi ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi dalam bab yang akan menyusul.

Bertambahnya masalah-masalah yang dihadapi oleh para petani pindah merupakan satu isyarat bahawa pertanian pindah bukan lagi alternatif ekonomi terbaik untuk kaum Rungus . Tekanan pertambahan penduduk, penggunaan tanah berlebihan,

masalah vegetasi, kekurangan tanah dan persaingan penggunaan tanah daripada tanaman jualan merupakan antara masalah yang terpaksa dihadapi.

Pertambahan kepentingan sumber-sumber pendapatan lain khususnya dalam bidang kraftangan dan tanaman jualan menunjukkan bahawa proses transisi sedang berlaku. Tuntutan keperluan wang serta tuntutan-tuntutan sosial yang lain seperti pendidikan, taraf hidup lebih tinggi dan kesihatan merupakan pendesak-pendesak utama yang inginkan perubahan ekonomi dengan segera. Perubahan ini tidak mungkin dapat dilakukan lagi oleh para petani sekarang. Bagaimanapun usaha membuat perubahan tersebut harus mereka mulakan untuk menjadi landasan anak-anak mereka ke satu era ekonomi yang lebih meyakinkan.

Nota Kaki

1. Istilah ini digunakan oleh Appell, G.N. (1971a, 1971b, 1974, 1985 dan 1986) dalam usahanya menjelaskan konsep penggunaan dan pemilikan tanah di Borneo. Di kalangan orang Iban, Dayak Darat, Kenyah dan Kayan, mereka didapati menggunakan sistem yang kedua iaitu ‘devolvable usufruct’. Apabila sesbuah keluarga membuka satu kawasan untuk tujuan pertanian, mereka akan mempunyai hak penuh atau separuh tetap ke atas kawasan tersebut. Hak ini akan diwariskan dan hak ini hanya akan hilang apabila pemilik atau pewarisnya keluar dari kampung tersebut. Kawasan tersebut akan menjadi hak kampung semula sebelum orang lain pula yang akan membuka semula kawasan tersebut.
2. Hukuman *ba'ngun* ialah adat yang digunakan untuk membicarakan perlanggaran adat-istiadat yang melibatkan kematian seperti membunuh dengan sengaja dan membunuh tanpa niat. Adat ini juga digunakan untuk membicarakan orang yang mengganggu tapak kubur seseorang apabila terdapat dakwaan/pendakwaan daripada ahli keluarga si mati. Jika didapati bersalah (mengganggu kubur), seseorang boleh dikenakan hukuman antara 10 hingga 20 gong besar (bernilai lebih kurang RM30,000.00 hingga RM60,000.00) kerana dianggap melakukan penghinaan yang besar dan tidak menghormati si mati dan ahli keluarganya.
3. Pegawai kanan yang dimaksudkan ialah Encik Freddy Lee. Beliau ialah Juru Ukur (surveyor) Sabah Forestry Development Authority.